



Chairman's Statement

penyata pengengerusi

Dato' Mohamed Azman bin Yahya
Chairman/Pengerusi

Dear Shareholders,

Purity of Purpose is this year's annual report cover design – it reflects how everything exists in delicate balance, and why it takes a perfect blend of experience and skill to create something of lasting value. Purity of Purpose is also a reflection of our passion for quality in everything we do.

Pemegang Saham Sekalian,

Kemurnian Hasrat menjadi ilham corak kulit laporan tahunan pada tahun ini – ia mencerminkan bagaimana segala-galanya wujud dengan imbalan yang halus, dan sebab gandingan yang tepat antara pengalaman dengan kemahiran diperlukan untuk menghasilkan sesuatu yang mempunyai nilai abadi. Kemurnian Hasrat juga mencerminkan kesungguhan kami untuk mencapai mutu tertinggi dalam segala usaha kami.



As you know, Pharmaniaga's core business focuses on providing integrated healthcare solutions and quality healthcare products to our customers. I would like to go beyond that and say that we are not only just in the business of healthcare but are really in the business of building hope, trust and confidence in the community around us. We are constantly guided by our philosophy of 'Doing Business with a Conscience' and driven by our mission of 'Enriching Life Together'.

I am delighted to say that your Company has once again excelled in performance by delivering not only profitability and value to all shareholders but also by providing innovative integrated healthcare solutions and quality healthcare products to our customers and the general public.

On behalf of the Board of Directors, I am therefore very pleased to present this Annual Report and Audited Financial Statements of Pharmaniaga Berhad for the financial year ended 31 December 2003.

Financial Performance

The year 2003 saw the Malaysian economy maintaining its targeted growth at 4.5 per cent against 4.1 per cent in 2002. With a broadly-balanced economic structure and emerging new sources of growth, Malaysia is expected to achieve a stronger gross domestic product growth of between 5.5 per cent and 6.0 per cent in 2004.

Against this background, Pharmaniaga is poised to ride on the anticipated growth and take advantage of the economic climate to achieve better performance and results.

The year under review saw the Group registering a turnover of RM632.6 million, an increase of 8.1 per cent over the previous year's figure of RM585.2 million. The Group also registered a consolidated profit before tax of RM66.8 million compared to RM61.2 million in 2002, an increase of 9.1 per cent. Earnings per share grew to 40.7 sen for 2003, compared to 37.3 sen for 2002.

The Board has recommended a final tax exempted dividend of 8.5 sen per share, which, together with an interim dividend paid of 3.5 sen per share, gives a total annual gross dividend of 12.0 sen per share for 2003. This is a growth in shareholding earnings of 41.2 per cent compared to previous year's growth of 13.3 per cent.

The year under review saw the Group registering a turnover of RM632.6 million, an increase of 8.1 per cent over the previous year's figure of RM585.2 million.

Pada tahun yang ditinjau, jualan Kumpulan ini berjumlah RM632.6 juta, meningkat 8.1 peratus daripada RM585.2 juta pada tahun lepas.

Sebagaimana anda sedia maklum, perniagaan teras Pharmaniaga adalah tertumpu kepada penyediaan penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadu dan produk penjagaan kesihatan yang bermutu tinggi. Saya ingin mara selangkah lagi dan menyatakan bahawa kami tidak sekadar bergiat dalam bidang penjagaan kesihatan, malah kami sebenarnya bergiat untuk membina harapan, kepercayaan dan keyakinan di kalangan masyarakat sekeliling kami. Kami sentiasa berpandukan falsafah kami untuk 'Berniaga dengan Hati Nurani' dan didorong oleh misi kami, iaitu untuk 'Bersama-sama Menyempurnakan Kehidupan'.

Saya amat gembira untuk mengumumkan bahawa Syarikat anda sekali lagi mencapai prestasi cemerlang bukan sahaja dengan memberikan keuntungan dan nilai kepada semua pemegang saham bahkan juga dengan menghasilkan penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadu yang inovatif dan produk penjagaan yang bermutu bagi semua pelanggan kami dan juga masyarakat umum.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Pharmaniaga Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Prestasi Kewangan

Tahun 2003 menyaksikan ekonomi Malaysia mengekalkan pertumbuhan yang disasarkan, iaitu 4.5 peratus berbanding 4.1 peratus pada tahun 2002. Dengan struktur ekonomi yang pada umumnya seimbang, dan kemunculan pertumbuhan baru, Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang lebih teguh di antara 5.5 peratus dan 6 peratus pada tahun 2004.

Berlatarkan persekitaran demikian, Pharmaniaga bersedia untuk memanfaatkan pertumbuhan yang diharapkan dan mengambil peluang daripada keadaan ekonomi yang diramalkan baik untuk mencapai prestasi dan hasil yang lebih cemerlang.

Pada tahun yang ditinjau, jualan Kumpulan berjumlah RM632.6 juta, meningkat 8.1 peratus daripada RM585.2 juta pada tahun lepas. Kumpulan ini juga mengaut keuntungan sebelum cukai disatukan sebanyak RM66.8 juta berbanding RM61.2 juta pada tahun 2002, atau 9.1 peratus lebih tinggi. Perolehan sesaham naik kepada 40.7 sen pada tahun 2003, berbanding 37.3 sen pada tahun 2002.

Lembaga Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 8.5 sen sesaham, dan apabila digabungkan dengan bayaran dividen interim dikecualikan cukai sebanyak 3.5 sen sesaham, jumlah dividen kasar tahunan bagi tahun 2003 adalah 12.0 sen sesaham. Ini merupakan peningkatan perolehan pemegang saham sebanyak 41.2 peratus berbanding peningkatan tahun sebelumnya, iaitu 13.3 peratus.

Exciting Developments

13 March 2003 saw the migration of Pharmaniaga's shares to the Main Board of the Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB) from the Second Board. Our elevation to the Main Board has given your Company more prestige. There has been an active interest in our shares, which have shown an increase in value from RM4.18 per share at the end of 2002 to RM5.30 per share at year end 2003. The 26.8 per cent growth experienced exceeded the KLSE composite index growth of 22.4 per cent. This reflects the success of the migration and investors' confidence in your Company.

In March 2003 also, your Company was successful in the Combined Triple Management System audit (ISO 9001, OHSAS 18001 and ISO 14001), the first Malaysian pharmaceutical facility to obtain this achievement. The same month saw us opening our new Kota Kinabalu warehouse to provide an enhanced service to our Sabah customers.

In April a dedicated Marketing team consisting of product managers was set up to take care of the product branding and marketing strategies.

We are very focused on evolving into a true customer-centric organisation. With this aim, your Company initiated a Customer Relationship Management (CRM) programme in May 2003. Work is under way in developing this system. However we are still at the initial stage of our long CRM journey.

The acquisition of Safire Pharmaceuticals (Malaysia) Sdn Bhd in September has given your Company increased product and manufacturing capacity, whilst optimising resources, providing economies of scale and maximising technical expertise.

With a view to acknowledging the valuable contributions from the staff, the Employee Share Option Scheme (ESOS) was launched in July 2003. Under this scheme, ten per cent of the paid up capital of the Company is allocated to provide staff with the opportunity to participate in Pharmaniaga not only as owners but more importantly to share in the business vision of the Group.

Corporate Identity

Although the re-branding exercise was quite a recent event, I believe the Company fared well during 2003 and that Pharmaniaga is today a much more visible brand in the medical fraternity. Today, the Pharmaniaga brand is more visible in medical journals and our products are packaged in a more uniform manner. Brand recall too has improved dramatically and there is greater marketplace recognition. We will continue to enhance brand exposure by focusing on marketing and positioning the brand "Pharmaniaga" as the leader in quality and bio-equivalence initiatives.

The Pharmaniaga re-branding has helped us develop a single positive identity. A greater sense of belonging and being 'part of a team' has been generated. This new corporate identity has helped create common goals and values amongst all employees.

Product Development

In 2003 we focused on conducting extensive research and development to produce better generic products. As proof that we are serious about quality and research and development (R&D), we have activated the previously dormant Pharmaniaga Research Centre Sdn Bhd on 1 January 2004 to undertake all R&D activities, formerly undertaken by the R&D department of Pharmaniaga Manufacturing.

We undertook clinical studies and developed bio-equivalent products as well as set up research alliances with local institutes. We received approval for six BE products in 2003 which, gave us a total of 21 BE products as at the end of December 2003. We also registered 17 new products in 2003.

This makes our prospects for 2004 brighter, especially in the prescription market. The current acceptance of generic drugs worldwide also offers many global opportunities that we can capitalise on and this in turn will lead to better returns in the future.

New Markets

More products were registered in overseas markets. Our export sales have shown significant growth by as much as fifty per cent. The Company is now providing drugs and medical products to a few countries in the African continent and we are also in discussions with government and private bodies in several Asia Pacific countries; all of which we believe will lead to good success.

Pharmaniaga's stance is to produce products of best quality at competitive prices. However, we are facing stiff competition in pricing from other generic product suppliers especially those from India and China who seem to use low pricing as their main competitive tool.

Perkembangan Menarik

Tanggal 13 Mac 2004 menandakan penghijrahan saham Pharmaniaga dari Papan Kedua ke Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB). Perpindahan ini menyerlahkan lagi keunggulan prestij Syarikat anda. Saham kami menarik minat lebih pelabur dan nilainya meningkat daripada RM4.18 sesaham pada akhir tahun 2002 kepada RM5.30 sesaham pada akhir tahun 2003. Pertumbuhan sebanyak 26.8 peratus melebihi pertumbuhan komposit indeks KLSE sebanyak 22.4 peratus. Ini membayangkan kejayaan penghijrahan kami dan keyakinan pelabur terhadap Syarikat anda.

Pada bulan Mac 2003 juga, Syarikat anda berjaya dalam audit Gabungan Tiga Sistem Pengurusan (ISO 9001, OHSAS 18001 dan ISO 14001), dan menjadi syarikat farmaseutikal yang pertama di Malaysia untuk memperoleh pencapaian ini. Pada bulan yang sama, kami telah membuka gudang baru di Kota Kinabalu demi menyediakan perkhidmatan yang lebih unggul kepada para pelanggan kami di Sabah.

Seterusnya pada bulan April 2003, sebuah pasukan Pemasaran yang dianggotai para pengurus produk, ditubuhkan untuk menumpukan perhatian terhadap penjenamaan produk dan strategi pemasaran.

Adalah matlamat kami untuk membentuk sebuah organisasi yang benar-benar mengutamakan pelanggan. Dengan matlamat ini, Syarikat anda telah pun memulakan program Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) pada bulan Mei 2003. Walaupun tumpuan kini diberikan untuk membangunkan sistem ini, kami masih berada di pangkal perjalanan CRM yang jauh.

Pengambilalihan Safire Pharmaceuticals (Malaysia) Sdn Bhd pada bulan September 2003 telah menambah kapasiti produk dan pengilangan bagi Syarikat anda, di samping mengoptimalkan sumber-sumber, memberikan penjimatan kos pengilangan dan memaksimumkan kepakaran teknikal.

Demi mengiktiraf sumbangan berharga warga kerja Kumpulan Pharmaniaga, Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dilancarkan pada bulan Julai 2003. Di bawah skim ini, sepuluh peratus daripada modal berbayar Syarikat telah diperuntukkan supaya kakitangan berpeluang mengambil bahagian dalam Pharmaniaga bukan hanya sekadar pemilik tetapi yang lebih penting, bersama-sama berkongsi wawasan perniagaan Kumpulan.

Identiti Korporat

Biarpun usaha penjenamaan semula baru sahaja dilaksanakan, Syarikat anda telah menunjukkan prestasi yang baik sepanjang tahun 2003. Pharmaniaga hari ini adalah satu jenama yang lebih ketara di kalangan masyarakat industri perubatan. Kini, jenama Pharmaniaga dapat dilihat dalam jurnal-jurnal perubatan, dan produk kami dibungkuskan dengan cara yang lebih seragam.

Ingatan terhadap jenama kami juga menunjukkan peningkatan lebih baik dan produk kami lebih dikenali di pasaran. Kami akan terus meluaskan pendedahan jenama dengan mempergiatkan pemasaran dan meletakkan jenama "Pharmaniaga" sebagai peneraju kualiti dan inisiatif kesetaraan-bio (BE).

Penjenamaan semula Pharmaniaga telah membolehkan kami mewujudkan sebuah identiti tunggal yang positif. Ini telah berjaya memupuk semangat kekeluargaan yang lebih mendalam serta mewujudkan matlamat dan nilai bersama di kalangan warga Kumpulan Pharmaniaga.

Pembangunan Produk

Pada tahun 2003, kami menumpukan usaha untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang meluas demi menghasilkan produk generik yang lebih baik. Sebagai bukti kesungguhan kami terhadap kualiti dan juga terhadap R&D, kami telah mengaktifkan sebuah syarikat dormant iaitu Pharmaniaga Research Centre Sdn Bhd pada 1 Januari 2004 untuk melaksanakan semua kegiatan R&D, yang dahulunya diusahakan oleh jabatan R&D di Pharmaniaga Manufacturing.

Kami telah menjalankan kajian klinikal dan menghasilkan produk BE di samping menjalankan ikatan usaha sama penyelidikan dengan beberapa institut tempatan. Kami telah menerima kelulusan bagi enam produk BE pada tahun 2003, yang telah menambahkan jumlah produk BE kami kepada 21 setakat Disember 2003. Kami juga telah mendaftarkan 17 produk baru pada tahun 2003.

Ini memberikan kami prospek yang lebih cerah bagi tahun 2004, terutamanya bagi pasaran preskripsi. Penerimaan yang lebih baik terhadap ubat generik di seluruh dunia kini juga membuka banyak peluang sejagat yang boleh kami manfaatkan dan ini seterusnya akan menghasilkan pulangan yang lebih lumayan di masa hadapan.

Pasaran Baru

Lebih banyak produk telah didaftarkan di pasaran luar negara. Jualan eksport kami telah menunjukkan pertumbuhan ketara yang telah mencapai setinggi lima puluh peratus. Syarikat kini membekalkan ubat dan produk perubatan kepada beberapa negara di benua Afrika dan kami juga sedang dalam perbincangan dengan kerajaan dan badan-badan swasta di beberapa negara Asia Pasifik; kesemuanya kami percaya akan menjanjikan kejayaan yang cemerlang.

Pendirian Pharmaniaga adalah untuk menghasilkan produk yang bermutu tertinggi pada harga yang berdaya saing. Sungguhpun begitu, kami menghadapi saingan sengit dan segi peletakan harga oleh pembekal produk generik yang lain, terutamanya pembekal dari India dan China yang seolah-olah menggunakan peletakan harga rendah sebagai senjata saingan mereka yang utama.

Awards

The Company was a recipient of the Kuala Lumpur Stock Exchange Corporate Excellence Award for the Second Board for two years consecutively, that is for 2002 and 2003.

We also took home an award that was newly introduced at the 2003 awards ceremony, namely Best Disclosure in Annual Report for the Second Board.

A further achievement was the same annual report (2002 Annual Report) also won the Best Annual Report (Second Board) at the 2003 National Corporate Report Awards (NACRA).

All these successes are testimony to our management's continued commitment to the maintenance of a strong culture of ethics, integrity and good sense.

Community and Employee Commitments

We at Pharmaniaga believe in good corporate citizenship and continue to place emphasis on our social responsibility by investing in the communities we operate in. We will continue to contribute towards and support organisations like the National Council for the Blind Malaysia, Malaysian Paralympics Council, Mercy Malaysia and many other academic, charitable and non-governmental organisations that require support.

Your Company was also able to meet the high demand for gloves and breathing masks from many government hospitals and non-government organisations during the Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) outbreak.

We are additionally committed towards environmental protection and routinely monitor the quality of wastewater, air and dust levels discharged into the environment. Pharmaniaga Manufacturing's environmental management system is already certified to the ISO 14001 standards whilst to further demonstrate commitment, Pharmaniaga Logistics is pursuing the same certification in 2004.

In 2003, the Group continued its commitment to nurture a high performance and motivated workforce. We also sought out the best employment candidates who reflected a diversity of backgrounds, experiences and perspectives and who could best contribute to the success of Pharmaniaga. Our investment in human capital is fundamental to the current and future success of the Group.

Future Outlook

The future looks bright with the Malaysian economy on the uptrend. Growth in both the national pharmaceutical and medical product markets is expected at 8 per cent to 10 per cent per annum. Imports will continue to dominate: about 70 per cent for pharmaceuticals and more than 85 per cent for medical equipment.

Rising healthcare cost will skew preference towards locally manufactured drugs as containment measures. Hospital refurbishment and infrastructure development expenditure for healthcare is expected to increase by 33 per cent. With the Government increasing its spending on healthcare by continuing to build more hospitals and health facilities, the demand for healthcare products and services has arisen. In addition, the population's awareness of good healthcare has also increased. This augurs well for us at Pharmaniaga.

While the opportunities out there are immense, there are also many challenges. Competition in cost terms remains strong. It is not our aim to compete in the cheap products market but we will take adequate steps to capture a segment of the very large and innovative generic drugs market.

We will also become more involved in equipping in the many government hospitals and health services especially those in East Malaysia where there are insufficient medical facilities, particularly in the rural areas. Our role in helping to equip these hospitals with the latest technology and medical devices currently available, will increase patient satisfaction.

We will continue to build on our capability and investments within healthcare in terms of infrastructure and human capital in order to provide excellence in this field.

In Appreciation

Our thanks go out to all our shareholders for your continued support; to our customers for their loyal support of our products and services; our business partners and bankers for their ongoing assistance; and our management and employees for their dedication and contribution to Pharmaniaga.

Finally, I wish to thank my esteemed colleagues on the Board for their counsel and expert guidance amidst all the challenges of the year. I trust all of you will continue to lend your utmost support to Pharmaniaga as we pursue our passion for excellence in all that we do.



DATO' MOHAMED AZMAN BIN YAHYA
Chairman

Anugerah

Syarikat telah dikurniakan Anugerah Kecemerlangan Korporat Bursa Saham Kuala Lumpur bagi dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2002 dan 2003.

Kami juga telah membawa pulang anugerah yang baru diperkenalkan di majlis penganugerahan 2003, iaitu Pendedahan Terbaik dalam Laporan Tahunan bagi Papan Kedua.

Laporan tahunan yang sama (Laporan Tahunan 2002) juga telah memenangi Laporan Tahunan Terbaik (Papan Kedua) di Anugerah Laporan Korporat Kebangsaan (INACRA) 2003.

Segala kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan pihak pengurusan kami terhadap mengekalkan budaya yang mengutamakan etika, integriti dan pertimbangan yang baik.

Komitmen Terhadap Komuniti dan Pekerja

Demi menunaikan hasrat kami untuk menjadi warga korporat yang baik, Pharmaniaga terus mengutamakan tanggungjawab sosial kami dengan menyumbang kepada komuniti di sekeliling kami. Kami akan terus menyokong dan menyumbang kepada organisasi-organisasi seperti Majlis Orang Buta Kebangsaan Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, Mercy Malaysia dan banyak lagi organisasi berasaskan akademik, amal dan bukan kerajaan lain yang memerlukan bantuan.

Syarikat anda juga berjaya memenuhi permintaan yang tinggi terhadap sarung tangan dan topeng pernafasan daripada hospital-hospital kerajaan dan organisasi bukan kerajaan semasa berlakunya wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

Di samping itu, kami juga komited terhadap perlindungan alam sekitar dan sentiasa memantau mutu air kumbahan dan udara, serta aras debu yang tersebar ke persekitaran. Sistem pengurusan Pharmaniaga Manufacturing telah dianugerahkan persijilan piawai ISO 14001 sementara Pharmaniaga Logistics sedang berusaha untuk mencapai persijilan yang sama pada tahun 2004 sebagai bukti akan komitmen ini.

Pada tahun 2003, Kumpulan ini meneruskan komitmennya untuk menggalakkan prestasi tinggi dan tenaga kerja yang bermotivasi. Kami juga mencari calon perjawatan terbaik dari berbagai bidang, pengalaman dan perspektif yang boleh menyumbang sebaik mungkin terhadap kejayaan Pharmaniaga. Pelaburan kami dalam sumber tenaga kerja amat penting bagi kejayaan Kumpulan pada masa kini dan juga masa hadapan.

Harapan Masa Depan

Masa depan kelihatan cerah memandangkan ekonomi Malaysia semakin meningkat naik. Pertumbuhan pasaran produk farmaseutikal dan perubatan negara dijangka akan berada pada kadar 8 peratus hingga 10 peratus setahun. Import akan terus membentuk bahagian terbesar: kira-kira 70 peratus bagi produk farmaseutikal dan lebih daripada 85 peratus bagi kelengkapan perubatan.

Kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat akan mendorong orang ramai supaya memilih ubat-ubatan buatan tempatan sebagai langkah penjimatan. Perbelanjaan bagi pembaharuan hospital dan pembangunan prasarana penjagaan kesihatan dijangka bertambah sebanyak 33 peratus. Dengan bertambahnya perbelanjaan Kerajaan bagi penjagaan kesihatan melalui pembinaan lebih banyak hospital dan kemudahan kesihatan secara berterusan, permintaan terhadap produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan turut akan meningkat. Di samping itu, masyarakat juga semakin menyedari akan kepentingan penjagaan kesihatan yang baik. Ini merupakan petanda yang baik bagi kami di Pharmaniaga.

Walaupun terdapat banyak peluang yang terbuka tidak kurang juga bilangan cabaran yang perlu dihadapi. Saingan dari segi kos sentiasa sengit. Kami tidak berhasrat untuk bersaing di pasaran produk murah namun kami akan mengambil langkah-langkah yang patut untuk menguasai sebahagian daripada pasaran ubat-ubatan generik yang sangat besar dan inovatif ini.

Kami juga akan menggiatkan lagi pemiagaan memperlekap dan menyelenggarakan kelengkapan di hospital-hospital kerajaan dan pemberi khidmat kesihatan, lebih-lebih lagi di Malaysia Timur yang kekurangan kemudahan perubatan, terutamanya di kawasan luar bandar. Peranan kami dalam usaha memperlekap hospital dengan teknologi terbaru dan peranti perubatan yang boleh didapati kini, akan meningkatkan kepuasan pesakit.

Kami akan terus meningkatkan keupayaan dan pelaburan kami dalam bidang penjagaan kesihatan dari segi prasarana dan sumber tenaga kerja agar dapat memberikan kecemerlangan dalam bidang ini.

Sekalung Penghargaan

Terima kasih diucapkan kepada semua pemegang saham kami atas sokongan anda yang berterusan; kepada para pelanggan kami atas sokongan setia anda terhadap produk dan perkhidmatan kami; rakan niaga dan jurubank kami atas sokongan berterusan anda dan tidak lupa juga kepada pihak pengurusan dan sekalian pekerja kami atas dedikasi dan sumbangan anda kepada Pharmaniaga.

Akhir kata, saya ingin melahirkan penghargaan saya kepada rakan-rakan sejawat saya dalam Lembaga Pengarah atas nasihat dan panduan anda ketika menghadapi segala cabaran sepanjang tahun. Saya yakin anda semua akan terus menghulurkan sokongan pada anda kepada Pharmaniaga dalam kesungguhan kami untuk mencapai kecemerlangan dalam segala usaha yang kami ceburi.



DATO' MOHAMED AZMAN BIN YAHYA
Pengerusi

INNOVATION

THE ABILITY TO FIND

SOLUTIONS WHERE THERE ARE NONE.


IN LIFE, THE IMPOSSIBLE IS

SIMPLY ANOTHER HURDLE.

DAYA CIPTA.

Kebolehan untuk menemui penyelesaian walaupun pada zahirnya tiada.

Dalam hidup ini, yang tidak mungkin cuma sekadar rintangan.



PURE EFFICIENCY



Despite the uncertainties and challenges faced during 2003, several steps taken during the year brought Pharmaniaga back on track in the fourth quarter of the year. The Marketing and Distribution unit registered a modest growth of 10.4 per cent in 2003, although this was higher than the growth rate of 9.6 per cent the year before. The government sector continued to be the major contributor, bringing in 88.5 per cent of the total pharmaceuticals and medical disposables sales.

marketing and distribution

pemasaran dan pengedaran


Sungguhpun pelbagai ketidakpastian dan cabaran dihadapi sepanjang 2003, beberapa langkah yang diambil pada tahun ini telah menguatkan semula perniagaan Pharmaniaga pada suku keempat tahun ini. Unit Pemasaran dan Pengedaran mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 10.4 peratus pada tahun 2003, namun ianya lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan sebanyak 9.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor kerajaan terus menjadi penyumbang utama, membentuk 88.5 peratus daripada jumlah jualan produk farmaseutikal dan barangan pakai buang perubatan.

Despite the uncertainties and challenges faced during 2003, several steps taken during the year brought Pharmaniaga back on track in the fourth quarter of the year.


Sungguhpun pelbagai ketidakpastian dan cabaran dihadapi sepanjang 2003, beberapa langkah yang diambil pada tahun ini telah menguatkan semula perniagaan Pharmaniaga pada suku keempat tahun ini.

**Total Sales for Pharmaceuticals and Medical
Disposables for Four Years/
Jumlah Jualan Farmaseutikal dan
Pakai Buang Perubatan
Bagi Empat Tahun**


**Government/
Kerajaan
RM Million/
Juta**




**Private/
Swasta
RM Million/
Juta**




**Distributorship/
Pengagihan
RM Million/
Juta**



**Export/
Eksport
RM Million/
Juta**



**Total/
Jumlah
RM Million/
Juta**



The year also saw Pharmaniaga setting up a marketing team in April 2003 to realise the Company's goals. A young and dynamic team was established to work on concept marketing via building a platform to educate specific target audiences and maximising the potential of the bio-equivalent products slated to enter the market in 2003.

Pharmaniaga continued to strengthen its position in the private sales segment with the launch of seven new products during the year. The year was marked by successful launches of Cetirizine, Cefaclor, Ciprofloxacin, Clarithromycin, Fluconazole, Amoxycillin Clauvanate and Gengigel. Gengigel, is a patented

Pada tahun ini juga, Pharmaniaga mencapai kemajuan dalam usahanya untuk membentuk pasukan pemasaran pada bulan April 2003 demi mencapai matlamat Syarikat. Pasukan yang muda lagi dinamik ini ditubuhkan untuk mengendalikan pemasaran konsep dengan membina pelantar bagi mendidik khalayak sasaran yang terpilih dan memaksimumkan potensi produk kesetaraan-bio yang disasarkan untuk menembusi pasaran pada tahun 2003.

Pharmaniaga memantapkan lagi kedudukannya dalam segmen jualan swasta dengan pelancaran tujuh produk baru tahun ini, iaitu Cetirizine, Cefaclor, Ciprofloxacin, Clarithromycin, Fluconazole, Amoxycillin Clauvanate dan Gengigel. Gengigel merupakan produk bioteknologi berpaten,

With over twenty bio-equivalent products and backed GMP, ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001 certification, Pharmaniaga is all poised to penetrate the international market further.

Dengan lebih dua puluh produk kesetaraan-bio dan digandingkan dengan persijilan-persijilan GMP, ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001, Pharmaniaga bersedia untuk menyusupi lebih jauh ke dalam pasaran antarabangsa.



biotech oral care product for which Pharmaniaga has the sole distributorship rights for in Malaysia. The year also saw the launch of the new Hydrogel wound dressing, developed in collaboration with the Malaysian Institute of Nuclear Technology (MINT).

The private sales segment witnessed a change with the implementation of a government regulation in January 2003; the ban of codeine-based drugs. However, our new product launches coupled with the new marketing team has helped Pharmaniaga tide over adverse market conditions.

Numerous promotional programs were undertaken in the private sector. The main objective of these was to further increase Pharmaniaga products' penetration in this sector especially into the Private Hospital market. This was mainly achieved through strategic sampling of products, especially Pharmaniaga bio-equivalent products.

Following our re-branding exercise, recognition of the Pharmaniaga brand amongst our direct and indirect customers, including the regulatory authorities, has been very positive. The sales force was further strengthened to expedite entry into the market and support the overall service distribution network.

We broadened our marketing channel infrastructure for our products so as to penetrate not only the domestic market but also the overseas market. Developments in the latter market saw our business expanding into the African continent and new areas in South East Asia. With over twenty bio-equivalent products and backed GMP, ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001 certification, Pharmaniaga is all poised to penetrate the international market further.

untuk penjagaan mulut dan Pharmaniaga memiliki hak pengedaran tunggal bagi produk ini di Malaysia. Tahun ini turut menyaksikan pelancaran balutan luka Hidrojel baru, yang dihasilkan dengan kerjasama Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT).

Segmen jualan swasta melalui perubahan dengan pelaksanaan peraturan kerajaan pada bulan Januari 2003, iaitu pengharaman ubat berasaskan kodein. Namun demikian, pelancaran produk baru digandingkan dengan pasukan pemasaran baru membantu Pharmaniaga menghadapi keadaan pasaran yang buruk ini.

Pelbagai usaha promosi dilaksanakan bagi sektor swasta, dengan matlamat utama untuk terus meningkatkan penembusan produk Pharmaniaga ke dalam sektor ini, lebih-lebih lagi pasaran Hospital Swasta. Ini tercapai terutamanya menerusi pensampelan strategik produk, terutamanya produk kesetaraan-bio Pharmaniaga.

Berikutan usaha penjenamaan semula kami, pengenalan terhadap jenama Pharmaniaga di kalangan pelanggan langsung dan pelanggan tidak langsung, termasuk badan-badan penguatkuasa, adalah sangat positif. Pasukan jurujual dipertingkatkan lagi untuk menyegerakan kemasukan ke pasaran dan untuk menyokong seluruh rangkaian pengedaran perkhidmatan.

Kami telah memperluaskan prasarana saluran pemasaran bagi produk kami supaya dapat menembusi bukan sahaja pasaran domestik, bahkan juga pasaran luar negara, di mana perniagaan kami telah berkembang ke benua Afrika dan ke kawasan-kawasan baru di Asia Tenggara. Dengan lebih dua puluh produk kesetaraan-bio dan digandingkan dengan persijilan-persijilan GMP, ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001, Pharmaniaga bersedia untuk menyusupi lebih jauh ke pasaran antarabangsa.

manufacturing

pengilangan

In line with our passion and commitment to quality in all our efforts, our Manufacturing division made several strides forward in these areas:

- Our manufacturing facilities are designed and constructed to the international pharmaceutical engineering guideline;
- Our manufacturing practices comply with the International Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S) requirement for current Good Manufacturing Practices (GMP) of pharmaceuticals.
- Our quality management system is certified to the ISO 9001 standards;
- Our occupational health and safety practices are certified to the OHSAS 18001 standards;
- Our environmental management system is certified to the ISO 14001 standards; and
- We have demonstrated our commitment to Bio-Equivalence (BE) studies by subjecting 6 additional products to BE studies in 2003 to ensure our generic products are interchangeable with the originators' but at a lower cost.
- Our manufacturing and supply attained revenues of RM83.7 million against last year's RM76.1 million, representing a growth of 10.0 per cent. This resulted in an above average growth in revenue and profit for the year compared with the overall trends in the industry.

Selaras dengan kesungguhan dan komitmen kami terhadap kualiti dalam segala usaha kami, bahagian Pengilangan kami telah mengorak langkah dalam bidang-bidang berikut:

- Kemudahan pengilangan direka bentuk dan dibina menurut garis panduan kejuruteraan farmaseutikal antarabangsa;
- Amalan pengilangan kami mematuhi keperluan Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC/S) Antarabangsa bagi Amalan Baik Pengilangan (GMP) yang terkini bagi produk farmaseutikal;
- Sistem pengurusan kualiti kami menerima pengiktirafan piawai ISO 9001;
- Amalan kesihatan dan keselamatan pekerja kami menerima pengiktirafan piawai OHSAS 18001;
- Sistem pengurusan alam sekitar kami menerima pengiktirafan piawai ISO 14001; dan
- Kami membuktikan komitmen kami terhadap kajian kesetaraan-bio (BE) dengan menjalankan kajian BE terhadap 6 produk tambahan pada tahun 2003 untuk memastikan produk generik kami boleh bersaling ganti dengan produk ciptaan asal tetapi pada kos yang lebih rendah.
- Hasil pengilangan dan pembekalan kami berjumlah RM83.7 juta berbanding RM76.1 juta tahun lepas, mewakili pertumbuhan 10.0 peratus. Ini memberikan peningkatan hasil dan keuntungan bagi tahun ini yang melebihi purata industri pada keseluruhannya.



The Small Volume Injectable (SVI) plant project in Puchong will provide an important dosage form to enlarge our product range. Currently there are only two manufacturers of this kind in Malaysia and with the local SVI market in 2003 worth approximately RM125 million, there is strong potential for this business especially on the international front. The SVI plant will be constructed with high technology facilities, complying to a very stringent GMP requirement. The plant is designed to meet all the major international GMP standards including the European PIC/S and the United States FDA (USFDA). The knowledge gained from this high technology project will serve as a platform for the Group to venture into vaccines and biotech production in the future.

In March 2003 the Company engaged a reputable multinational consultant group based in the United Kingdom to design and build the SVI facility. It is expected to be operational by end 2006.

The acquisition of Safire Pharmaceuticals in September 2003 provided synergy through economies of scale, resource optimisation and an overall increase in manufacturing capacity.

Projek loji Suntikan Isi Padu Kecil (SVI) di Puchong akan menghasilkan bentuk dos yang penting bagi meluaskan lagi kepelbagaian produk kami. Buat masa ini, cuma terdapat dua pengilang SVI di Malaysia dan dengan pasaran SVI tempatan pada tahun 2003 bernilai kira-kira RM125 juta, potensi bagi pasaran ini amat besar, terutamanya di pasaran antarabangsa. Loji SVI kami akan dibina dengan kemudahan berteknologi tinggi, dan akan mematuhi keperluan GMP yang sangat ketat. Loji ini direka bentuk untuk memenuhi semua piawai utama GMP antarabangsa, termasuk PIC/S Eropah dan FDA Amerika Syarikat (USFDA). Pengetahuan yang diperoleh daripada projek berteknologi tinggi ini akan menjadi pelantar bagi Kumpulan untuk menceburi bidang pengeluaran vaksin dan bioteknologi pada masa hadapan.

Pada bulan Mac 2003, Syarikat telah mendapatkan khidmat kumpulan perunding multinasional terkemuka yang berpusat di United Kingdom untuk mereka bentuk dan membina kemudahan SVI tersebut. Ianya dijangka akan siap untuk memulakan operasi pada penghujung 2006.

Pengambilalihan Safire Pharmaceuticals pada bulan September 2003 memberikan paduan tenaga dari segi penjimatan kos pengilangan, penggunaan sumber-sumber secara optimum dan peningkatan menyeluruh keupayaan pengilangan.



The SVI plant will be constructed with high technology facilities, complying to a very stringent GMP requirement.

Loji SVI akan dibina dengan kemudahan berteknologi tinggi dan akan mematuhi keperluan GMP yang sangat ketat.

All these have given the Company a platform for entry into the global markets for our products.

The re-engineering of our manufacturing facilities and activities to create dedicated manufacturing centres of excellence will leverage the synergy between our Bangi and Ipoh plants.

Our collaboration with the Malaysian Institute for Nuclear Technology (MINT) for a locally researched and patented new product using nuclear technology as part of the manufacturing process proved successful when we launched "Hydrogel"; a water based wound dressing, in August 2003.

We provided assurance that we manufacture pharmaceutical products of international standard in quality, efficacy and safety through the certifications in ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001 and our initiatives in attaining USFDA recognition and ISO/IEC 17025 laboratory accreditation. The USFDA recognition of the existing facility will provide Pharmaniaga with the ability to enter new markets, both local and international, for our existing products.

The government move towards favouring locally manufactured products have resulted in a number of foreign companies looking at contracting out a number of their key products to local companies in order to check or reduce market loss and prevent brand diminution.

Kesemua ini menyediakan Syarikat dengan pelantar yang membolehkan produk kami menembusi pasaran global.

Penyusunan semula kemudahan dan kegiatan pengilangan kami untuk mewujudkan pusat pengilangan terkhusus yang unggul akan memanfaatkan paduan tenaga antara loji kami di Bangi dan Ipoh.

Gandingan usaha kami dengan Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) untuk menghasilkan produk baru yang diselidik dan dipatenkan di negara ini, dengan menggunakan teknologi nuklear sebagai sebahagian daripada proses pembuatan telah terbukti berjaya apabila kami melancarkan "Hydrogel"; pembalut luka berasaskan air, pada bulan Ogos 2003.

Kami memberikan jaminan bahawa kami mengeluarkan produk farmaseutikal dengan mutu, kemujaraban dan keselamatan bertaraf antarabangsa menerusi pengiktirafan ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001 serta inisiatif-inisiatif kami untuk memperoleh pengiktirafan USFDA dan akreditasi makmal ISO/IEC 17025. Pengiktirafan USFDA terhadap kemudahan yang sedia ada memberikan Pharmaniaga kemampuan untuk menembusi pasaran baru di dalam dan luar negara dengan rangkaian produk yang sedia ada.

Langkah kerajaan ke arah mengutamakan produk buatan tempatan menyebabkan sebilangan syarikat asing mengkaji kemungkinan mengkontrak keluar pembuatan beberapa produk utama mereka kepada syarikat tempatan untuk menghadkan atau mengurangkan kehilangan bahagian pasaran dan menghalang susutan jenama.



These efforts have gained the confidence of multinational companies...

Usaha-usaha ini telah memenangi keyakinan syarikat-syarikat multinasional...

Pharmaniaga constantly endeavors to benchmark, maintain and upgrade its quality to support the high technical standards demanded by the multinational companies with its appropriate infrastructure and human resources.

Technical competency enhancement of our key personnel through appropriate training programmes is a continuous investment. Our Senior Manager for Quality Management was successfully certified to the American Society for Quality (ASQ) in 2003. In addition, international technical training workshops were conducted in-house by an international consultant. Our key personnel also attended several international technical conferences, seminars and workshops whilst at home we carried out in-house job-specific training.

These efforts have gained the confidence of multinational companies where Pharmaniaga continues its arrangement with Pfizer, Bristol Myers Squibb and Wyeth International to contract manufacture a number of their products. Contract manufacturing sales in 2003 registered a growth of 29.9 per cent over 2002 sales.

Pharmaniaga sentiasa berusaha untuk menetapkan tanda rujuk, mengekalkan dan meningkatkan mutu kami demi menyokong piawai teknikal tinggi yang dituntut oleh syarikat multinasional, dengan menyediakan prasarana dan sumber manusia yang wajar.

Peningkatan kecekapan teknikal kakitangan penting melalui program latihan yang sewajarnya merupakan pelaburan berterusan kami. Pengurus Kanan Pengurusan Kualiti kami berjaya menerima pengiktirafan Persatuan Kualiti Amerika (ASQ) pada tahun 2003. Di samping itu, bengkel latihan teknikal antarabangsa telah dijalankan dalam syarikat oleh perunding antarabangsa. Kakitangan penting juga telah menghadiri beberapa persidangan, seminar dan bengkel kerja teknikal antarabangsa, sementara di dalam negeri, kami menjalankan latihan dalam syarikat yang tertumpu khusus kepada bidang kerja.

Usaha-usaha ini telah berjaya memenangi keyakinan syarikat-syarikat multinasional yang membolehkan Pharmaniaga meneruskan hubungan niaga dengan Pfizer, Bristol Myers Squibb dan Wyeth International untuk mengeluarkan beberapa produk mereka secara berkontrak. Jualan pembuatan berkontrak pada tahun 2003 mencatatkan pertumbuhan 29.9 peratus berbanding jualan tahun 2002.



2003 SALES PERFORMANCE BY PRODUCT CATEGORY/PRESTASI PENJUALAN 2003 MENGIKUT KATEGORI PRODUK

Category/ Kategori	2003 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000	% Change from prior year/ % Perubahan daripada tahun sebelum	
				2003 vs 2002	2002 vs 2001
				%	%
Cardiovascular & Hematopoietic System/ Sistem Kardiovaskular & Hematopoietik	38,055	31,595	27,389	20.4	15.4
Metabolism/Metabolisma	18,959	16,519	15,249	14.8	8.3
Antibiotics/Antibiotik	13,069	16,323	14,692	(19.9)	11.1
Neuro Muscular System/Sistem Saraf Otot	9,903	4,612	4,178	114.7	10.4
Respiratory System/Sistem Pernafasan	4,168	6,540	4,171	(36.3)	56.8
Alimentary System/Sistem Penghadaman	5,265	3,200	3,022	64.5	5.9
Vitamins & Minerals/Vitamin & Mineral	2,391	2,809	3,006	(14.9)	(6.6)
Dermatologicals/Ubat Kulit	1,087	2,717	2,071	(60.0)	31.2
Other Chemotherapeutics/Kemoterapeutik Lain	2,172	2,240	2,106	(3.0)	6.4
Others/Lain	1,850	1,193	1,839	55.1	(35.1)
	96,919	87,748	77,723	10.5	12.9



Despite the uncertainties and challenges faced during 2003, several steps taken during the year brought Pharmaniaga back on track in the fourth quarter of the year. The Marketing and Distribution unit registered a modest growth of 10.4 per cent in 2003, although this was higher than the growth rate of 9.6 per cent the year before. The government sector continued to be the major contributor, bringing in 88.5 per cent of the total pharmaceuticals and medical disposables sales.

marketing and distribution

pemasaran dan pengedaran


Sungguhpun pelbagai ketidakpastian dan cabaran dihadapi sepanjang 2003, beberapa langkah yang diambil pada tahun ini telah menguatkan semula perniagaan Pharmaniaga pada suku keempat tahun ini. Unit Pemasaran dan Pengedaran mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 10.4 peratus pada tahun 2003, namun ianya lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan sebanyak 9.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor kerajaan terus menjadi penyumbang utama, membentuk 88.5 peratus daripada jumlah jualan produk farmaseutikal dan barangan pakai buang perubatan.

Despite the uncertainties and challenges faced during 2003, several steps taken during the year brought Pharmaniaga back on track in the fourth quarter of the year.


Sungguhpun pelbagai ketidakpastian dan cabaran dihadapi sepanjang 2003, beberapa langkah yang diambil pada tahun ini telah menguatkan semula perniagaan Pharmaniaga pada suku keempat tahun ini.

**Total Sales for Pharmaceuticals and Medical
Disposables for Four Years/
Jumlah Jualan Farmaseutikal dan
Pakai Buang Perubatan
Bagi Empat Tahun**


**Government/
Kerajaan
RM Million/
Juta**




**Private/
Swasta
RM Million/
Juta**




**Distributorship/
Pengagihan
RM Million/
Juta**



**Export/
Eksport
RM Million/
Juta**



**Total/
Jumlah
RM Million/
Juta**



The year also saw Pharmaniaga setting up a marketing team in April 2003 to realise the Company's goals. A young and dynamic team was established to work on concept marketing via building a platform to educate specific target audiences and maximising the potential of the bio-equivalent products slated to enter the market in 2003.

Pharmaniaga continued to strengthen its position in the private sales segment with the launch of seven new products during the year. The year was marked by successful launches of Cetirizine, Cefaclor, Ciprofloxacin, Clarithromycin, Fluconazole, Amoxycillin Clauvanate and Gengigel. Gengigel, is a patented

Pada tahun ini juga, Pharmaniaga mencapai kemajuan dalam usahanya untuk membentuk pasukan pemasaran pada bulan April 2003 demi mencapai matlamat Syarikat. Pasukan yang muda lagi dinamik ini ditubuhkan untuk mengendalikan pemasaran konsep dengan membina pelantar bagi mendidik khalayak sasaran yang terpilih dan memaksimumkan potensi produk kesetaraan-bio yang disasarkan untuk menembusi pasaran pada tahun 2003.

Pharmaniaga memantapkan lagi kedudukannya dalam segmen jualan swasta dengan pelancaran tujuh produk baru tahun ini, iaitu Cetirizine, Cefaclor, Ciprofloxacin, Clarithromycin, Fluconazole, Amoxycillin Clauvanate dan Gengigel. Gengigel merupakan produk bioteknologi berpaten,

With over twenty bio-equivalent products and backed GMP, ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001 certification, Pharmaniaga is all poised to penetrate the international market further.

Dengan lebih dua puluh produk kesetaraan-bio dan digandingkan dengan persijilan-persijilan GMP, ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001, Pharmaniaga bersedia untuk menyusupi lebih jauh ke dalam pasaran antarabangsa.



biotech oral care product for which Pharmaniaga has the sole distributorship rights for in Malaysia. The year also saw the launch of the new Hydrogel wound dressing, developed in collaboration with the Malaysian Institute of Nuclear Technology (MINT).

The private sales segment witnessed a change with the implementation of a government regulation in January 2003; the ban of codeine-based drugs. However, our new product launches coupled with the new marketing team has helped Pharmaniaga tide over adverse market conditions.

Numerous promotional programs were undertaken in the private sector. The main objective of these was to further increase Pharmaniaga products' penetration in this sector especially into the Private Hospital market. This was mainly achieved through strategic sampling of products, especially Pharmaniaga bio-equivalent products.

Following our re-branding exercise, recognition of the Pharmaniaga brand amongst our direct and indirect customers, including the regulatory authorities, has been very positive. The sales force was further strengthened to expedite entry into the market and support the overall service distribution network.

We broadened our marketing channel infrastructure for our products so as to penetrate not only the domestic market but also the overseas market. Developments in the latter market saw our business expanding into the African continent and new areas in South East Asia. With over twenty bio-equivalent products and backed GMP, ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001 certification, Pharmaniaga is all poised to penetrate the international market further.

untuk penjagaan mulut dan Pharmaniaga memiliki hak pengedaran tunggal bagi produk ini di Malaysia. Tahun ini turut menyaksikan pelancaran balutan luka Hidrojel baru, yang dihasilkan dengan kerjasama Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT).

Segmen jualan swasta melalui perubahan dengan pelaksanaan peraturan kerajaan pada bulan Januari 2003, iaitu pengharaman ubat berasaskan kodein. Namun demikian, pelancaran produk baru digandingkan dengan pasukan pemasaran baru membantu Pharmaniaga menghadapi keadaan pasaran yang buruk ini.

Pelbagai usaha promosi dilaksanakan bagi sektor swasta, dengan matlamat utama untuk terus meningkatkan penembusan produk Pharmaniaga ke dalam sektor ini, lebih-lebih lagi pasaran Hospital Swasta. Ini tercapai terutamanya menerusi pensampelan strategik produk, terutamanya produk kesetaraan-bio Pharmaniaga.

Berikutan usaha penjenamaan semula kami, pengenalan terhadap jenama Pharmaniaga di kalangan pelanggan langsung dan pelanggan tidak langsung, termasuk badan-badan penguatkuasa, adalah sangat positif. Pasukan jurujual dipertingkatkan lagi untuk menyegerakan kemasukan ke pasaran dan untuk menyokong seluruh rangkaian pengedaran perkhidmatan.

Kami telah memperluaskan prasarana saluran pemasaran bagi produk kami supaya dapat menembusi bukan sahaja pasaran domestik, bahkan juga pasaran luar negara, di mana perniagaan kami telah berkembang ke benua Afrika dan ke kawasan-kawasan baru di Asia Tenggara. Dengan lebih dua puluh produk kesetaraan-bio dan digandingkan dengan persijilan-persijilan GMP, ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001, Pharmaniaga bersedia untuk menyusupi lebih jauh ke pasaran antarabangsa.

manufacturing

pengilangan

In line with our passion and commitment to quality in all our efforts, our Manufacturing division made several strides forward in these areas:

- Our manufacturing facilities are designed and constructed to the international pharmaceutical engineering guideline;
- Our manufacturing practices comply with the International Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S) requirement for current Good Manufacturing Practices (GMP) of pharmaceuticals.
- Our quality management system is certified to the ISO 9001 standards;
- Our occupational health and safety practices are certified to the OHSAS 18001 standards;
- Our environmental management system is certified to the ISO 14001 standards; and
- We have demonstrated our commitment to Bio-Equivalence (BE) studies by subjecting 6 additional products to BE studies in 2003 to ensure our generic products are interchangeable with the originators' but at a lower cost.
- Our manufacturing and supply attained revenues of RM83.7 million against last year's RM76.1 million, representing a growth of 10.0 per cent. This resulted in an above average growth in revenue and profit for the year compared with the overall trends in the industry.

Selaras dengan kesungguhan dan komitmen kami terhadap kualiti dalam segala usaha kami, bahagian Pengilangan kami telah mengorak langkah dalam bidang-bidang berikut:

- Kemudahan pengilangan direka bentuk dan dibina menurut garis panduan kejuruteraan farmaseutikal antarabangsa;
- Amalan pengilangan kami mematuhi keperluan Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC/S) Antarabangsa bagi Amalan Baik Pengilangan (GMP) yang terkini bagi produk farmaseutikal;
- Sistem pengurusan kualiti kami menerima pengiktirafan piawai ISO 9001;
- Amalan kesihatan dan keselamatan pekerja kami menerima pengiktirafan piawai OHSAS 18001;
- Sistem pengurusan alam sekitar kami menerima pengiktirafan piawai ISO 14001; dan
- Kami membuktikan komitmen kami terhadap kajian kesetaraan-bio (BE) dengan menjalankan kajian BE terhadap 6 produk tambahan pada tahun 2003 untuk memastikan produk generik kami boleh bersaling ganti dengan produk ciptaan asal tetapi pada kos yang lebih rendah.
- Hasil pengilangan dan pembekalan kami berjumlah RM83.7 juta berbanding RM76.1 juta tahun lepas, mewakili pertumbuhan 10.0 peratus. Ini memberikan peningkatan hasil dan keuntungan bagi tahun ini yang melebihi purata industri pada keseluruhannya.



The Small Volume Injectable (SVI) plant project in Puchong will provide an important dosage form to enlarge our product range. Currently there are only two manufacturers of this kind in Malaysia and with the local SVI market in 2003 worth approximately RM125 million, there is strong potential for this business especially on the international front. The SVI plant will be constructed with high technology facilities, complying to a very stringent GMP requirement. The plant is designed to meet all the major international GMP standards including the European PIC/S and the United States FDA (USFDA). The knowledge gained from this high technology project will serve as a platform for the Group to venture into vaccines and biotech production in the future.

In March 2003 the Company engaged a reputable multinational consultant group based in the United Kingdom to design and build the SVI facility. It is expected to be operational by end 2006.

The acquisition of Safire Pharmaceuticals in September 2003 provided synergy through economies of scale, resource optimisation and an overall increase in manufacturing capacity.

Projek loji Suntikan Isi Padu Kecil (SVI) di Puchong akan menghasilkan bentuk dos yang penting bagi meluaskan lagi kepelbagaian produk kami. Buat masa ini, cuma terdapat dua pengilang SVI di Malaysia dan dengan pasaran SVI tempatan pada tahun 2003 bernilai kira-kira RM125 juta, potensi bagi pasaran ini amat besar, terutamanya di pasaran antarabangsa. Loji SVI kami akan dibina dengan kemudahan berteknologi tinggi, dan akan mematuhi keperluan GMP yang sangat ketat. Loji ini direka bentuk untuk memenuhi semua piawai utama GMP antarabangsa, termasuk PIC/S Eropah dan FDA Amerika Syarikat (USFDA). Pengetahuan yang diperoleh daripada projek berteknologi tinggi ini akan menjadi pelantar bagi Kumpulan untuk menceburi bidang pengeluaran vaksin dan bioteknologi pada masa hadapan.

Pada bulan Mac 2003, Syarikat telah mendapatkan khidmat kumpulan perunding multinasional terkemuka yang berpusat di United Kingdom untuk mereka bentuk dan membina kemudahan SVI tersebut. Ianya dijangka akan siap untuk memulakan operasi pada penghujung 2006.

Pengambilalihan Safire Pharmaceuticals pada bulan September 2003 memberikan paduan tenaga dari segi penjimatan kos pengilangan, penggunaan sumber-sumber secara optimum dan peningkatan menyeluruh keupayaan pengilangan.



The SVI plant will be constructed with high technology facilities, complying to a very stringent GMP requirement.

Loji SVI akan dibina dengan kemudahan berteknologi tinggi dan akan mematuhi keperluan GMP yang sangat ketat.

All these have given the Company a platform for entry into the global markets for our products.

The re-engineering of our manufacturing facilities and activities to create dedicated manufacturing centres of excellence will leverage the synergy between our Bangi and Ipoh plants.

Our collaboration with the Malaysian Institute for Nuclear Technology (MINT) for a locally researched and patented new product using nuclear technology as part of the manufacturing process proved successful when we launched "Hydrogel"; a water based wound dressing, in August 2003.

We provided assurance that we manufacture pharmaceutical products of international standard in quality, efficacy and safety through the certifications in ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001 and our initiatives in attaining USFDA recognition and ISO/IEC 17025 laboratory accreditation. The USFDA recognition of the existing facility will provide Pharmaniaga with the ability to enter new markets, both local and international, for our existing products.

The government move towards favouring locally manufactured products have resulted in a number of foreign companies looking at contracting out a number of their key products to local companies in order to check or reduce market loss and prevent brand diminution.

Kesemua ini menyediakan Syarikat dengan pelantar yang membolehkan produk kami menembusi pasaran global.

Penyusunan semula kemudahan dan kegiatan pengilangan kami untuk mewujudkan pusat pengilangan terkhusus yang unggul akan memanfaatkan paduan tenaga antara loji kami di Bangi dan Ipoh.

Gandingan usaha kami dengan Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) untuk menghasilkan produk baru yang diselidik dan dipatenkan di negara ini, dengan menggunakan teknologi nuklear sebagai sebahagian daripada proses pembuatan telah terbukti berjaya apabila kami melancarkan "Hydrogel"; pembalut luka berasaskan air, pada bulan Ogos 2003.

Kami memberikan jaminan bahawa kami mengeluarkan produk farmaseutikal dengan mutu, kemujaraban dan keselamatan bertaraf antarabangsa menerusi pengiktirafan ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001 serta inisiatif-inisiatif kami untuk memperoleh pengiktirafan USFDA dan akreditasi makmal ISO/IEC 17025. Pengiktirafan USFDA terhadap kemudahan yang sedia ada memberikan Pharmaniaga kemampuan untuk menembusi pasaran baru di dalam dan luar negara dengan rangkaian produk yang sedia ada.

Langkah kerajaan ke arah mengutamakan produk buatan tempatan menyebabkan sebilangan syarikat asing mengkaji kemungkinan mengkontrak keluar pembuatan beberapa produk utama mereka kepada syarikat tempatan untuk menghadkan atau mengurangkan kehilangan bahagian pasaran dan menghalang susutan jenama.



These efforts have gained the confidence of multinational companies...

Usaha-usaha ini telah memenangi keyakinan syarikat-syarikat multinasional...

Pharmaniaga constantly endeavors to benchmark, maintain and upgrade its quality to support the high technical standards demanded by the multinational companies with its appropriate infrastructure and human resources.

Technical competency enhancement of our key personnel through appropriate training programmes is a continuous investment. Our Senior Manager for Quality Management was successfully certified to the American Society for Quality (ASQ) in 2003. In addition, international technical training workshops were conducted in-house by an international consultant. Our key personnel also attended several international technical conferences, seminars and workshops whilst at home we carried out in-house job-specific training.

These efforts have gained the confidence of multinational companies where Pharmaniaga continues its arrangement with Pfizer, Bristol Myers Squibb and Wyeth International to contract manufacture a number of their products. Contract manufacturing sales in 2003 registered a growth of 29.9 per cent over 2002 sales.

Pharmaniaga sentiasa berusaha untuk menetapkan tanda rujuk, mengekalkan dan meningkatkan mutu kami demi menyokong piawai teknikal tinggi yang dituntut oleh syarikat multinasional, dengan menyediakan prasarana dan sumber manusia yang wajar.

Peningkatan kecekapan teknikal kakitangan penting melalui program latihan yang sewajarnya merupakan pelaburan berterusan kami. Pengurus Kanan Pengurusan Kualiti kami berjaya menerima pengiktirafan Persatuan Kualiti Amerika (ASQ) pada tahun 2003. Di samping itu, bengkel latihan teknikal antarabangsa telah dijalankan dalam syarikat oleh perunding antarabangsa. Kakitangan penting juga telah menghadiri beberapa persidangan, seminar dan bengkel kerja teknikal antarabangsa, sementara di dalam negeri, kami menjalankan latihan dalam syarikat yang tertumpu khusus kepada bidang kerja.

Usaha-usaha ini telah berjaya memenangi keyakinan syarikat-syarikat multinasional yang membolehkan Pharmaniaga meneruskan hubungan niaga dengan Pfizer, Bristol Myers Squibb dan Wyeth International untuk mengeluarkan beberapa produk mereka secara berkontrak. Jualan pembuatan berkontrak pada tahun 2003 mencatatkan pertumbuhan 29.9 peratus berbanding jualan tahun 2002.



2003 SALES PERFORMANCE BY PRODUCT CATEGORY/PRESTASI PENJUALAN 2003 MENGIKUT KATEGORI PRODUK

Category/ Kategori	2003 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000	% Change from prior year/ % Perubahan daripada tahun sebelum	
				2003 vs 2002 %	2002 vs 2001 %
Cardiovascular & Hematopoietic System/ Sistem Kardiovaskular & Hematopoietik	38,055	31,595	27,389	20.4	15.4
Metabolism/Metabolisma	18,959	16,519	15,249	14.8	8.3
Antibiotics/Antibiotik	13,069	16,323	14,692	(19.9)	11.1
Neuro Muscular System/Sistem Saraf Otot	9,903	4,612	4,178	114.7	10.4
Respiratory System/Sistem Pernafasan	4,168	6,540	4,171	(36.3)	56.8
Alimentary System/Sistem Penghadaman	5,265	3,200	3,022	64.5	5.9
Vitamins & Minerals/Vitamin & Mineral	2,391	2,809	3,006	(14.9)	(6.6)
Dermatologicals/Ubat Kulit	1,087	2,717	2,071	(60.0)	31.2
Other Chemotherapeutics/Kemoterapeutik Lain	2,172	2,240	2,106	(3.0)	6.4
Others/Lain	1,850	1,193	1,839	55.1	(35.1)
	96,919	87,748	77,723	10.5	12.9



The Ministry of Health is constantly emphasising the importance of quality, efficacy and safety of pharmaceutical products to safeguard the public. With the increasing availability of generic products in the Malaysian market, it is imperative to ensure that these generic products are therapeutically equivalent to the innovator's products and are clinically interchangeable. In practice, demonstration of bio-equivalence (BE) is generally the most appropriate method of substantiating therapeutic equivalence between medicinal products.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengutamakan kepentingan mutu, keberkesanan dan keselamatan produk farmaseutikal demi melindungi keselamatan masyarakat. Dengan produk generik yang kini lebih mudah didapati di pasaran Malaysia, adalah amat penting untuk memastikan bahawa keberkesanan produk generik ini setara dengan produk ciptaan asal, dan boleh bersaling-ganti dari segi klinikal. Secara amali, bukti kesetaraan-bio (BE) adalah kaedah yang paling sesuai untuk mengesahkan kesetaraan keberkesanan antara produk perubatan.



research and development

penyelidikan dan pembangunan



The assurance of safety and efficacy of Pharmaniaga products is addressed by our Research and Development (R&D) unit. Through the strict selection process of the various clinical centres utilised, as well as regular facility audits and study monitoring, the Group has ensured that all BE and clinical studies undertaken comply with the highest standards of Good Clinical Practice. During the year a number of bio-equivalence studies were conducted resulting in the approval of six new BE products bringing the total number to 21 BE products as at end December 2003. The product selection criteria for BE studies were new off-patent products and major existing products. From the recent off-patent category, Ciprofloxacin, Fluconazole and Cetirizine were shown to be interchangeable with the innovator.

Jaminan terhadap keselamatan dan kemujaraban produk Pharmaniaga diusahakan oleh unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kami. Melalui proses pemilihan rapi pusat-pusat klinikal yang kami gunakan, serta pemeriksaan audit terhadap kemudahan dan pemantauan kajian yang kerap, Kumpulan ini memastikan semua kajian BE dan klinikal yang dijalankan mematuhi piawai tertinggi Amalan Klinikal Yang Baik. Sepanjang tahun, beberapa kajian kesetaraan-bio telah dijalankan di mana enam produk BE baru diluluskan. Ini menambah jumlah produk BE kepada 21 setakat hujung bulan Disember 2003. Kriteria pemilihan produk untuk kajian BE adalah produk-produk tamat tempoh paten baru dan produk-produk utama yang sedia ada. Ciprofloxacin, Fluconazole dan Cetirizine adalah produk-produk dari kategori produk tamat tempoh paten terkini yang telah terbukti setara dengan ciptaan asal.

Bio-equivalence studies were conducted resulting in the approval of six new BE products.


Kajian kesetaraan-bio telah dijalankan di mana enam produk BE baru telah diluluskan.

BE Products approved in 2003/Produk BE yang diluluskan pada tahun 2003

Product Name/ Nama Produk	Active Ingredient/ Kandungan aktif	Therapeutic Classification/ Klasifikasi Rawatan	Innovator Product/ Produk Ciptaan Asal	Manufacturer/ Pengeluar
Pharmaniaga Terbutaline tablet	Terbutaline	Antiasthmatic/Anti asma	Bricanyl	AstraZeneca
Pharmaniaga Cetirizine tablet	Cetirizine	Antiallergy/Anti alahan	Zyrtec	UCB Pharma
Pharmaniaga Ciprofloxacin tablet	Ciprofloxacin	Antibiotic - Quinolones Antibiotik - Quinolones	Ciprobay	Bayer
Pharmaniaga Fluconazole capsule/kapsul	Fluconazole	Antifungal/Anti kulat	Diflucan	Pfizer
Pharmaniaga Frusemide tablet	Frusemide	Diuretics/Diuretik	Lasix	Aventis
Pharmaniaga Ranitidine tablet	Ranitidine	Antilucer/Anti ulser	Zantac	GSK

Pharmaniaga's R&D unit witnessed a year of continued success with more new products registered not only at home but also in the overseas markets. A total of 17 new products were registered in Malaysia during the year including off-patent drugs and licensed herbal phyto granule products for our new range of consumer healthcare product. As a further demonstration of our endeavours, a number of off-patent products that were launched into the market in 2003, also proved to be "first to-market". These included Fluconazole, Ciprofloxacin and Clarithromycin. Furthermore, with the approval of 27 new products across the various markets particularly in the ASEAN region, the Group now has 115 products registered in the export markets.

Unit R&D Pharmaniaga menyaksikan tahun yang penuh kejayaan dengan banyak lagi produk baru didaftarkan bukan sahaja di pasaran dalam negeri bahkan juga di luar negara. Sejumlah 17 produk baru didaftarkan di Malaysia sepanjang tahun 2003 termasuk ubat-ubat tamat tempoh paten dan produk fitogranul herba berlesen bagi rangkaian baru produk penjagaan kesihatan pengguna. Lebih menyerlahkan lagi apabila beberapa produk tamat tempoh paten yang dilancarkan ke pasaran pada tahun 2003 juga merupakan "perintis pasaran" (first to-market). Ini termasuk Fluconazole, Ciprofloxacin dan Clarithromycin. Di samping itu, dengan kelulusan 27 produk baru merentasi beberapa pasaran terutamanya di rantau ASEAN, Kumpulan kini mempunyai 115 produk yang terdaftar di pasaran eksport.



... constantly emphasising the importance of quality, efficacy and safety of pharmaceutical products to safeguard the public.

... sentiasa mengutamakan kepentingan mutu, keberkesanan dan keselamatan produk farmaseutikal demi melindungi kepentingan masyarakat.

The list of products registered in Malaysia in 2003 is as follows:/Berikut adalah senarai produk yang didaftarkan di Malaysia pada tahun 2003:


SN	Products/Produk	SN	Products/Produk	SN	Products/Produk
1	Valerian Capsule/Kapsul	7	Milk Thistle Capsule/Kapsul	13	Pharmaniaga Enalapril tablet 10 mg
2	Echinacea Capsule/Kapsul	8	Garlic Capsule/Kapsul	14	Pharmaniaga Enalapril tablet 2.5 mg
3	St. John's Wort Capsule/Kapsul	9	Pharmaniaga Itraconazole Capsule/Kapsul 100 mg	15	Pharmaniaga Oxymetazoline 0.025% Nasal Solution
4	Passion Flower Capsule/Kapsul	10	Pharmaniaga Ofloxacin tablet 100 mg	16	Pharmaniaga Oxymetazoline 0.05% Nasal Solution
5	Red Vine Capsule/Kapsul	11	Pharmaniaga Enalapril tablet 20 mg	17	Pharmaniaga Paracetamol C & F Tablet
6	Hawthorn Capsule/Kapsul	12	Pharmaniaga Enalapril tablet 5 mg		

Investing in the Future

While internal growth is vital to our future success, we are continually evaluating and pursuing external opportunities that can leverage our strengths. On 20 October 2003, Pharmaniaga made its entry in biotechnology with the signing of a Letter of Intent (LOI) with the National Institute for Natural Products and Vaccinology (NINPV). Under the LOI, Pharmaniaga will contribute towards funding NINPV's projects for research and development in natural products and vaccinology. We are also proud to say that our intellectual capital has been reinforced via our R&D efforts, new product development and product registration.

Melabur Demi Masa Depan

Biarpun pertumbuhan dalaman amat penting bagi kejayaan masa depan kami, kami sentiasa menilai dan mencari peluang luar yang boleh mempergunakan kelebihan kami. Pada 20 Oktober 2003, Pharmaniaga telah menceburi bidang bioteknologi dengan menandatangani Surat Niat (LOI) dengan Institut Produk Asli dan Vaksinologi Kebangsaan (NINPV). Di bawah LOI ini, Pharmaniaga akan menyumbang ke arah pembiayaan projek NINPV yang menyelidik dan membangunkan produk sumber asli dan vaksinologi. Kami juga berbangga bahawa sumber intelektual kami telah diperkukuhkan melalui usaha R&D kami, penghasilan produk baru dan pendaftaran produk.







medical equipment supply

bekalan kelengkapan perubatan

Pharmaniaga believes that there is no better way of providing healthcare to the community than by actively reaching out to them. Hence Pharmaniaga was very pleased to be involved in the supply of a mobile clinic vehicle for the Ear, Nose and Throat (ENT) and Audiology facility project for the Kuliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia (IIUM). Although Pharmaniaga had previously supplied ambulances for hospital projects in East Malaysia, this was a new area for this division to venture into.

Pharmaniaga yakin tiada cara yang lebih baik untuk memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada masyarakat selain mendampingi mereka secara aktif. Oleh itu Pharmaniaga amat berbesar hati dengan penglibatannya membekalkan sebuah kenderaan klinik bergerak bagi projek kemudahan Telinga, Hidung dan Tekak (ENT), dan Pendengaran kepada Kuliah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Sungguhpun Pharmaniaga sebelum ini membekalkan ambulan untuk projek hospital di Malaysia Timur, bidang membina klinik bergerak adalah baru bagi bahagian ini.



The mobile clinic, which was handed over on 6 September 2003, is capable of delivering ENT diagnostic services in remote areas. The significance of this is that the Company has set a superior standard in the provision of mobile ENT treatment especially where the rural community is concerned. This marks another success for Pharmaniaga in line with our mission of “enriching life together” and a reflection of our “Purity of Purpose”.

Pharmaniaga also set up a Medical Equipment Distribution unit to distribute medical equipment to hospitals, health centres and GP clinics. This unit is expected to contribute to the division's future growth as well as contribute to non-concession business revenue for the Group.

Klinik bergerak yang telah diserahkan pada 6 September 2003 ini mampu menyampaikan perkhidmatan diagnostik ENT ke kawasan terpencil. Perkara yang membanggakan dalam perkembangan ini adalah Syarikat kami telah menetapkan piawai terunggul dalam penyediaan rawatan ENT bergerak terutamanya bagi masyarakat luar bandar. Ini menandakan satu lagi kejayaan bagi Pharmaniaga, sejajar dengan misi kami untuk “bersama-sama menyempurnakan kehidupan” dan lambang “Kemurnian Hasrat” kami.

Pharmaniaga juga telah menubuhkan unit Pengedaran Kelengkapan Perubatan untuk mengedarkan kelengkapan perubatan kepada hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik swasta. Unit ini dijangka akan dapat menyumbang terhadap pertumbuhan masa depan bahagian ini di samping menyumbang terhadap hasil perniagaan bukan konsesi Kumpulan.





The Company has set a superior standard in the provision of mobile ENT treatment especially where the rural community is concerned.

Syarikat kami telah menetapkan piawai terunggul dalam penyediaan rawatan ENT bergerak terutamanya bagi masyarakat luar bandar.



The most exciting achievement from the hospital equipping business of this division was the issuance of the much awaited Certificate of Practical Completion to Keningau Hospital in Sabah on 31 May 2003. Pharmaniaga successfully completed the second round of inventory counting and the handover process for this hospital on 7 November 2003.

Pharmaniaga was awarded the contracts for a further four hospitals in East Malaysia, namely the 76-bedded hospital in Kunak, the 48-bedded hospitals in Pitas and Kuala Penyu (all in Sabah), and the 212-bedded hospital in Sarikei, Sarawak. These four are still under construction and completion is expected end of 2004. In addition to this Pharmaniaga was awarded the contract for the equipping, commissioning and maintenance of the Surgical Package for the Jasin Hospital in May 2003.

Our role in helping to equip these hospitals with the latest technology and the complete range of medical devices available will greatly assist patients to receive the best treatment in these rural areas. A considerable amount of time and effort will be saved by these communities who will no longer need to travel to the bigger towns to receive medical assistance.

Pencapaian yang paling menarik bagi perniagaan memperlengkap hospital bahagian ini adalah pengeluaran Sijil Penyempurnaan Amali yang sangat dinanti-nantikan kepada Hospital Keningau di Sabah pada 31 Mei 2003. Pharmaniaga berjaya menyempurnakan pusingan kedua pengiraan inventori dan proses penyerahan bagi hospital ini pada 7 November 2003.

Pharmaniaga diberikan kontrak bagi empat hospital lagi di Malaysia Timur, iaitu hospital 76 katil di Kunak, hospital 48 katil di Pitas dan Kuala Penyu (semuanya di Sabah), dan hospital 212 katil di Sarikei, Sarawak. Keempat-empat hospital ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun 2004. Di samping itu, Pharmaniaga diberikan kontrak untuk memperlengkap, memulakan dan menyelenggarakan Pakej Pembedahan bagi Hospital Jasin pada bulan Mei 2003.

Peranan kami dalam usaha membantu memperlengkap hospital-hospital ini dengan teknologi terkini dan seluruh rangkaian peranti perubatan yang kini tersedia akan banyak membantu para pesakit mendapatkan rawatan yang terbaik di kawasan luar bandar. Banyak masa dan usaha dapat diijimatkan oleh masyarakat ini yang tidak lagi perlu pergi ke bandar besar untuk mendapatkan bantuan perubatan.



Pharmaniaga, through its wholly owned subsidiary Pharmaniaga Solutions Sdn Bhd, continued to actively upgrade operations through information technology (IT) solutions to ensure it remains at the forefront of technological innovation.

Developments within the Group included the initial phase of e-HR implementation and the formulation of an information security policy to further enhance security and privacy. Other initiatives included the extension of the sales force automation (SFA) system to other business units within the Group and the launch of the electronic document management system (EDMS) throughout the Group. Other systems were also put in place to prevent industrial espionage and sabotage. On top of this, the online catalogue went live during the year and the results derived were significant.

Pharmaniaga, melalui anak syarikat milik penuhanya, Pharmaniaga Solutions Sdn Bhd, terus giat meningkatkan taraf operasinya melalui penyelesaian teknologi maklumat (IT) agar ia kekal diteraju inovasi teknologi.

Perkembangan dalam Kumpulan meliputi pelaksanaan fasa awal e-HR dan perumusan dasar keselamatan maklumat untuk lebih mengungguli keselamatan dan kerahsiaan. Inisiatif lain merangkumi pelanjutan sistem pengautomasian tenaga jualan (SFA) ke unit pentagaan yang lain dalam Kumpulan dan pelancaran sistem pengurusan dokumen elektronik (EDMS) di seluruh Kumpulan. Sistem-sistem lain juga dihasilkan untuk merancang risiko dan khianat perindustrian. Di samping itu, katalog dalam talian dilancarkan pada tahun yang ditinjau dan hasil yang nyata diperoleh.

information technology solutions

penyelesaian teknologi maklumat

Externally, Pharmaniaga Solutions provided consulting services to other companies, including United Engineers (Malaysia) Bhd, mainly in the area of computer disaster recovery planning (CDRP). Several other companies have also been identified as potential subscribers to this service for the year 2004, reflecting our success in this area.

During the year, Pharmaniaga Solutions was also involved in the Global Information Hub for Traditional and Complementary Medicine portal; a Ministry of Health project. It involves the creation of a unique portal on traditional and complementary medicines. The role of Pharmaniaga Solutions in this project is as the technology partner responsible for creating the portal at its initial stage, and this has seen them establishing a close working relationship with the Ministry of Health.

Bagi pelanggan luaran, Pharmaniaga Solutions menyediakan perkhidmatan perundingan kepada syarikat-syarikat lain termasuk United Engineers (Malaysia) Bhd terutamanya dalam bidang perancangan pemulihan bencana komputer (CDRP). Beberapa syarikat lain juga telah dikenal pasti sebagai bakal pelanggan perkhidmatan ini bagi tahun 2004. Ini mencerminkan kejayaan kami dalam bidang ini.

Pada tahun yang ditinjau, Pharmaniaga Solutions juga telah terlibat dengan sebuah projek Kementerian Kesihatan bergelar 'Global Information Hub for Traditional and Complementary Medicine', iaitu sebuah portal unik bagi perubatan tradisional dan pelengkap. Peranan Pharmaniaga Solutions dalam projek ini adalah selaku rakan teknologi yang bertanggungjawab membangunkan portal ini di peringkat awal, dan ini berjaya mengeratkan hubungan kerja mereka dengan Kementerian Kesihatan.



Pharmaniaga Solutions is becoming more recognisable in the market...

Pharmaniaga Solutions kini semakin dikenali di pasaran...



The clinic procurement system was also launched with a target completion of 202 sites in three states in the country by August 2004. This system allows clinics to benefit from the stock inventory and procurement system that all hospitals are currently utilising.

Financially, Pharmaniaga Solution experienced tremendous growth of 221 per cent in its external revenue for year 2003. Pharmaniaga Solutions is becoming more recognisable in the market and it is beginning to have presence in the IT industry, as it has received invitations to speak at IT-related networking events as well as at conferences and seminars.

Pharmaniaga Solutions will continue to invest in research and development to discover new technologies. At the same time, it will continue to strengthen Pharmaniaga's IT infrastructure to ensure the Group's is able to effectively deliver its commitment to being a customer-centric organisation.

Sistem pemerolehan klinik juga dilancarkan dengan sasaran penyempurnaan 202 tapak di tiga negeri dalam negara menjelang bulan Ogos 2004. Sistem ini membolehkan klinik mendapat manfaat daripada sistem inventori dan pemerolehan yang kini digunakan oleh semua hospital.

Dari segi kewangan, hasil luaran Pharmaniaga Solutions mengalami pertumbuhan hebat sebanyak 221 peratus bagi tahun 2003. Pharmaniaga Solutions kini semakin dikenali di pasaran dan telah menempah tempat dalam industri IT kerana ia telah menerima banyak jemputan untuk menyampaikan ceramah di acara-acara yang berhubung dengan IT di samping beberapa persidangan dan seminar.

Pharmaniaga Solutions akan terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan agar dapat menemui teknologi baru. Pada masa yang sama, ia akan terus mengukuhkan prasarana IT Pharmaniaga agar Kumpulan berupaya menunaikan komitmennya dengan berkesan sebagai organisasi yang mengutamakan pelanggan.

PURE CONCENTRATION



EXPERIENCE

AN EXPERTISE THAT TAKES TIME TO
HONE AND PERFECT.

A LIFETIME TO CRAFT.

FOR YOU TO REALISE MAXIMUM GAINS
FROM MINIMUM EFFORT.

PENGALAMAN.

Kepakaran yang memakan masa untuk diasah dan disempurnakan.
Usaha seumur hidup. Supaya anda mencapai hasil maksimum
dengan usaha minimum.

pharmaniaga

Pharmaniaga People warga pharmaniaga

At Pharmaniaga we have invested much in our people, and will continue to invest in this all important capital resource, as we strive to recruit the best employees from the market. Our employee selection process is constantly reviewed to increase the Company's efficiency and effectiveness in making accurate hiring decisions. Similarly, our compensation and

benefit packages are based on a competitive performance monitoring and reward system designed to encourage maximum personal contribution and thereby sustain our business performance. We provide a conducive working environment and bring in the best technology to constantly improve the performance of our employees.

As part of our commitment to investing in our people, we retained the services of consultants to develop and implement a Customer Relationship Management (CRM) programme with the aim of improving customer service levels both internally and externally.

We believe in our people/

Kami menaruh kepercayaan terhadap tenaga kerja kami

We also recognise the need to support our employees' personal contributions and ultimately business performance through the renewal and upgrading of skills. We continued to accord priority to employee development in 2003. As in previous years, the Company provided a wide range of learning opportunities to equip staff at all levels with the skills required to be effective in their jobs and their business environment. Our Human Resources Department, as always, is committed to being a strategic partner working hand-in-hand with the business units to ensure that employees with the right skills are matched to the right jobs.

Our training strategy adopts a two-pronged approach. Executive-level talent is identified and is put through special training programmes to develop and achieve our performance targets. Meanwhile, non-executive staff are provided with both technical and personal development programmes designed to build their skills and make a positive impact on their contributions. In 2003 a total of 890 employees were sent for training.

As a commitment to our training and development strategy, five per cent of employees's gross salaries are allocated towards training costs.



Di Pharmaniaga, kami banyak melabur dalam tenaga kerja kami, dan akan terus melabur dalam sumber utama yang penting ini supaya dapat mengambil pekerja terbaik di pasaran. Proses pemilihan pekerja kami sentiasa dikaji semula untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Syarikat membuat keputusan perjawatan pekerja yang tepat. Begitu juga, pakej pampasan dan manfaat kami berdasarkan sistem pemantauan prestasi dan ganjaran persaingan yang direka bentuk untuk menggalakkan sumbangan peribadi yang maksimum, lantas mengekalkan prestasi perniagaan kami. Kami menyediakan persekitaran kerja yang selesa dan memperoleh teknologi terbaik agar dapat terus memajukan prestasi pekerja kami.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk melabur dalam sumber manusia, kami telah melantik sebuah syarikat perunding untuk membangunkan dan melaksanakan program Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) dengan matlamat untuk meninggikan mutu perkhidmatan kami kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Kami juga menyedari keperluan untuk menyokong sumbangan peribadi pekerja kami dan prestasi perniagaan kami menerusi latihan semula dan peningkatan taraf kemahiran. Pada tahun 2003 kami terus memberikan keutamaan terhadap pembangunan pekerja. Seperti pada tahun-tahun lepas, Syarikat menyediakan peluang pendidikan yang luas untuk melengkapkan kakitangan di semua peringkat dengan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja dan berniaga dengan berkesan. Seperti biasa, Jabatan Sumber Manusia kami komited untuk memainkan peranan sebagai rakan kongsi strategik yang berganding bahu dengan unit-unit perniagaan kumpulan bagi memastikan kemahiran pekerja dipadankan dengan pekerjaan yang tepat.

During the year we held regular employee and management meetings for all levels of staff. This has helped Pharmaniaga to continuously monitor and address issues that are of concern to our staff.

The areas of workplace safety and provision of quality work processes are equally important to us. Various training sessions related to OHSAS 18001 and ISO 9001 were conducted in 2003. This contributed to Pharmaniaga's success in achieving the required certification by SIRIM on both these standards.

As Pharmaniaga increases its market presence domestically and internationally, the recruitment and retention of adequate talent will be fundamental to our success. A comprehensive exercise was carried out to identify critical positions and ensure a succession planning programme was in place.

Pharmaniaga's long term planning for manpower requirements also means that we pursue programmes that create corporate awareness amongst students in higher learning institutions in order to attract our future talents.

In 2003, our Human Resources Department organised career talks at various campuses and arranged student visits to the Company's plant and warehouse facilities. These initiatives provided us with the opportunity to expose these employees of tomorrow to our working environment and to make them aware of the career opportunities available at Pharmaniaga. In 2003, 33 of these industrial trainees were attached to various companies within Pharmaniaga.

Strategi latihan kami menerima pakai pendekatan dua serampang. Bakat peringkat eksekutif dikenal pasti dan dihantar menjalani program latihan khas untuk membangunkan diri dan mencapai sasaran prestasi kami. Sementara itu, kakitangan bukan eksekutif menjalani program pembangunan teknikal dan peribadi yang dibentuk untuk memajukan kemahiran mereka dan memberikan kesan positif terhadap sumbangan mereka. Pada tahun 2003, seramai 890 pekerja telah dihantar untuk menjalani latihan.

Sebagai komitmen terhadap strategi latihan dan pembangunan kami, lima peratus daripada gaji kasar pekerja diperuntukkan bagi kos latihan.

Sepanjang tahun 2003 kami telah kerap mengadakan mesyuarat antara pekerja dengan pihak pengurusan bagi semua peringkat kakitangan. Ini membantu Pharmaniaga untuk memantau dan menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh tenaga kerja kami secara berterusan.

Keselamatan tempat kerja dan peruntukan proses kerja berkualiti sama penting bagi kami. Pelbagai sesi latihan yang berkaitan dengan OHSAS 18001 dan ISO 9001 telah dijalankan pada tahun 2003. Ini telah menyumbang terhadap kejayaan Pharmaniaga mencapai persijilan yang diperlukan daripada SIRIM bagi kedua-dua piawaian tersebut.

Demi memantapkan kehadiran Pharmaniaga di pasaran domestik dan antarabangsa, pengambilan dan pengekalan bakat yang mencukupi penting bagi kejayaan kami. Usaha menyeluruh telah dilaksanakan untuk mengenal pasti jawatan penting dan memastikan program perancangan penggantian diterapkan.

Perancangan jangka panjang Pharmaniaga bagi keperluan tenaga kerja juga bererti kami berusaha mendapatkan program yang menimbulkan kesedaran korporat di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi supaya dapat menarik bakat akan datang.

Pada tahun 2003, Jabatan Sumber Manusia telah menganjurkan ceramah kerjaya di pelbagai kampus dan mengatur lawatan pelajar ke kemudahan loji dan gudang Syarikat. Inisiatif ini memberikan kami peluang untuk mendedahkan bakal pekerja kepada persekitaran kerja kami dan memaklumkan mereka tentang peluang kerjaya yang terbuka di Pharmaniaga. Pada tahun 2003, 33 pelatih perindustrian ini berkhidmat dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan Pharmaniaga.



Property, Plant & Equipment Hartanah, Loji & Kelengkapan



In line with the Group's business objectives to be at the forefront of the healthcare industry, we at Pharmaniaga continuously review our investments in both operating and human capital.

Selaras dengan matlamat perniagaan Kumpulan untuk menerajui industri penjagaan kesihatan, kami di Pharmaniaga sentiasa mengkaji semula pelaburan kami dalam modal kendalian dan juga sumber tenaga kerja.



Property, Plant & Equipment/ Hartanah, Loji & Kelengkapan

Our investment in new machinery during 2003 included the purchase of an automatic cartoning machine for the sachet filling machine. Our investment in this fully automated process will provide us with an additional machine capacity of 20 million sachets per year. We also refurbished our existing blister pack machine and purchased an automatic cartoning machine for the blister pack machine. This will provide us with an additional machine capacity of 515,000 cartons per year.

In line with ongoing efforts to provide value added and cost effective services to our customers, Pharmaniaga's Kota Kinabalu facility was officially opened by YAB Datuk Chong Kah Kiat, the Chief Minister of Sabah on 14 March 2003. The opening of the 26,000 sq feet warehouse; the largest pharmaceutical warehouse facility in Sabah, marked a significant milestone for our Kota Kinabalu branch which began operations in December 1994 from a 12,000 sq feet rented shop lot.

Going forward into 2004, Pharmaniaga has acquired land for the construction of our Kuching warehouse which is currently occupying rented premises. The land acquisition is expected to be completed by April 2004 and construction is scheduled to start in the third quarter of 2004. The total cost of the land is approximately RM1.1 million.

Pelaburan kami dalam jentera baru pada tahun 2003 termasuk pembelian mesin pengkarton automatik bagi mesin pengisian uncang. Pelaburan dalam proses automatik sepenuh ini memberikan kami kemampuan mesin tambahan sebanyak 20 juta uncang setahun. Kami juga memperbaharui mesin pek lepuh kami yang sedia ada dan membeli mesin pengkarton automatik bagi mesin pek lepuh ini. Ini memberikan kami kemampuan mesin tambahan sebanyak 515,000 karton setahun.

Sejajar dengan usaha berterusan untuk memberikan perkhidmatan bernilai tambahan dan berkos yang efektif kepada pelanggan kami, gudang Pharmaniaga di Kota Kinabalu dibuka dengan rasminya oleh YAB Datuk Chong Kah Kiat, Ketua Menteri Sabah, pada 14 Mac 2003. Pembukaan gudang 26,000 kaki persegi ini yang merupakan kemudahan gudang farmaseutikal yang terbesar di Sabah, menandakan detik yang penting bagi cawangan Kota Kinabalu kami yang telah memulakan operasinya pada bulan Disember 1994 di sebuah lot kedai sewa seluas 12,000 kaki persegi.

Melangkah masuk ke tahun 2004, Pharmaniaga telah memperolehi tanah untuk membina sebuah gudang di Kuching. Gudang yang sedia ada kini merupakan premis sewa. Pemerolehan tanah ini dijangka selesai menjelang bulan April 2004 dan pembinaan dijadualkan bermula pada suku ketiga tahun 2004. Kos tanah tersebut berjumlah kira-kira RM1.1 juta.

In addition to our current manufacturing facility, Pharmaniaga will commence construction of a Small Volume Injectables (SVI) plant in Puchong by the third quarter of 2004 with completion targeted for end 2006. The SVI plant will be constructed with high technology facilities, complying to very stringent GMP requirements. The plant is designed to meet all the major international GMP standards including the European PIC/S and the USFDA.

With regards to our sterile cephalosporin facility, the equipment qualification, utilities qualification and the media fill were completed successfully. The first commercial batch is targeted to be launched in December 2004.

The construction of our pilot plant, upgrading of our Research and Development and Quality Control Laboratories are underway and targeted for completion in December 2004.

The year saw the strategic acquisition of Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd and its plant in Bandar Seri Iskandar, Perak which was concluded on 15 September 2003.

Di samping kemudahan pengilangan kami yang sedia ada, Pharmaniaga juga akan memulakan pembinaan loji Suntikan Isi Padu Kecil (SVI) di Puchong menjelang suku ketiga tahun 2004 dengan penyempurnaannya disasarkan pada penghujung tahun 2006. Loji SVI ini akan dibina dengan kemudahan berteknologi tinggi yang mematuhi keperluan GMP yang ketat. Loji ini direka bentuk untuk memenuhi semua piawai GMP antarabangsa yang utama, termasuk PIC/S Eropah dan USFDA.

Bagi kemudahan cephalosporin steril kami, kelayakan kelengkapan, kelayakan utiliti dan pengisian media telah disempurnakan dengan jayanya. Pelancaran kelompok perdagangan pertama disasarkan pada bulan Disember 2004.

Pembinaan loji perintis, peningkatan ciri Makmal Penyelidikan dan Pembangunan, dan peningkatan ciri Makmal Kawalan Mutu kesemuanya sedang dalam pelaksanaan dan disasarkan siap pada bulan Disember 2004.

Tahun ini menyaksikan pemerolehan strategik Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd dan lojinya di Bandar Seri Iskandar, Perak yang disempurnakan pada 15 September 2003.

The annual production capacity of the plants is illustrated below:

Kemampuan pengeluaran tahunan loji-loji dijelaskan di bawah:

CAPACITY UTILISATION FOR 2003/KEMAMPUAN PENGGUNAAN BAGI 2003			
Non Penicillin/Non Cephalosporin/Bukan Penicillin/Bukan Cephalosporin			
Dosage Form (Unit Measure) Bentuk Dos (Ukuran Unit)	Available Capacity Kemampuan Sedia ada	Total Output for 2003 Jumlah Pengeluaran bagi 2003	Capacity Utilisation (%) Kemampuan Penggunaan (%)
Tablet (Plain/Biasa) - (Tablet - million/juta)	156,000,000	81,354,350	52.15
Tablet (Coated/Bersalut) - (Tablet - million/juta)	120,000,000	46,149,500	38.46
Capsule/Kapsul - (Capsule/Kapsul - million/juta)	132,000,000	77,294,000	58.56
Dry Syrup - (Bottle/Botol - thousand/ribu)	1,680,000	368,291	21.92
Liquid/Cecair - (Litre/Liter - thousand/ribu)	527,988	1,083,569	205.23
Cream/Krim - (Kg - thousand/ribu)	79,200	58,150	73.42
Penicillin/Penicillin			
Tablet (Plain/Biasa) - (Tablet - million/juta)	33,600,000	18,041,400	53.69
Tablet (Coated/Bersalut) - (Tablet - million/juta)	33,600,000	18,041,400	53.69
Capsule/Kapsul - (Capsule/Kapsul - million/juta)	43,200,000	45,907,000	106.27
Dry Syrup - (Bottle/Botol - thousand/ribu)	2,640,000	1,075,403	40.73

SPORTS & SOCIAL ACTIVITIES • AKTIVITI-AKTIVITI SUKAN & SOSIAL



- The first Pharmaniaga Go-Kart Race was organised in August 2003 to find the fastest drivers to represent Pharmaniaga at the first UEM Group Go-Kart Challenge 2003. As most participants were first-timers in go-karting, the event proved to be a very exciting sports programme for all. What was most exciting was that Pharmaniaga took home the UEM Group Go-Kart Challenge 2003 trophy.
- The first Pharmaniaga Bowling Tournament was held in October 2003, where 19 teams participated.
- Pharmaniaga also sent 5 representatives to join the UEM Group contingent for the Merdeka Parade held for the very first time at the Putrajaya Boulevard in conjunction with the 46th Merdeka Celebration, which also happened to be the last National Day parade witnessed by the former Prime Minister, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

- When United Engineers Malaysia organised the first Motoring Treasure Hunt, Pharmaniaga sent in 10 teams, 2 of which won the consolation prizes.
- Also for the first time, the Sports & Recreation Club of Pharmaniaga sent teams to the Sports Carnival organised by the Bangi Industrial Administrative Association (BIAA) which was held from 13 – 21 March 2004. We took part in a total of 6 sporting events – Bowling (1 team), Takraw (3 teams), Soccer (1 team), Badminton (1 team), Volleyball (1 team) and Netball (1 team).
- The Sports & Recreation Club of Pharmaniaga organised a trip to Cameron Highlands giving the opportunity not only to staff who had not been to the Highlands before but also to those who needed a break from their hectic city life.
- With the majority of staff being Muslims, the Sports and Social Club also organised a religious talk in conjunction with Maal Hijrah. In addition, we also held a Tarawih prayer during Ramadhan. These activities have helped the Muslim staff to understand more about the concepts of the deen and provided them with an alternative platform for religious learning.

- Perlumbaan Go-Kart Pharmaniaga pertama yang dianjurkan pada bulan Ogos 2003 mencari pemandu terpentas untuk mewakili Pharmaniaga di Cabaran Go-Kart Kumpulan UEM 2003 yang pertama. Memandangkan kebanyakan peserta pertama kali menceburi sukan go-kart, acara ini terbukti suatu program sukan yang sangat menarik bagi semua. Yang paling menarik, Pharmaniaga berjaya meraih piala Cabaran Go-Kart Kumpulan UEM 2003.
- Kejohanan Boling Pharmaniaga yang pertama dilangsungkan pada bulan Oktober 2003, dengan penyertaan 19 pasukan.
- Pharmaniaga juga menghantar 5 orang wakil untuk menyertai kontinjen Kumpulan UEM ke Perarakan Merdeka yang julung-julung kali diadakan di Putrajaya Boulevard sempena Sambutan Hari Merdeka ke-46, yang juga perarakan Hari Kebangsaan terakhir yang disaksikan oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad.
- Apabila United Engineers Malaysia menganjurkan Pencarian Harta Karun Bermotor, Pharmaniaga menghantar 10 pasukan, di mana 2 daripadanya telah memenangi hadiah sagu hati.
- Juga buat kali pertama, Kelab Sukan & Rekreasi Pharmaniaga telah menghantar pasukannya ke Karnival Sukan anjuran Persatuan Pentadbiran Perindustrian Bangi (BIAA) yang berlangsung dari 13 hingga 21 Mac 2004. Kami telah mengambil bahagian dalam sejumlah 6 acara sukan – Boling (1 pasukan), Takraw (3 pasukan), Bola sepak (1 pasukan), Badminton (1 pasukan), Bola tampar (1 pasukan) dan Bola jaring (1 pasukan).
- Kelab Sukan & Rekreasi Pharmaniaga telah menganjurkan lawatan ke Cameron Highlands, untuk memberikan peluang percutian bukan sahaja bagi para pekerja yang belum pernah ke situ, malah juga bagi mereka yang cuma perlu berehat setelah menjalani kehidupan kota yang sibuk.
- Memandangkan bilangan majoriti kakitangan beragama Islam, Kelab Sukan & Rekreasi juga menganjurkan ceramah agama sempena Maal Hijrah. Di samping itu, kami juga mengadakan solat Tarawih sepanjang Ramadan. Kegiatan ini mendalami pemahaman kakitangan Islam terhadap konsep ad-din sambil memberikan mereka saluran tambahan untuk memperoleh pelajaran agama.





Pharmaniaga gives high priority to protecting the environment and assuring the health and safety of employees, stakeholders and interested parties who come to our premises in the course of business.

environment, health & safety

Pharmaniaga recognises the need for environmental conservation and protection and are committed to contributing towards maintaining environment that we operate in.

As a continuous commitment of the Group to environmental conservation and protection, several environmental, health and safety (EHS) programmes were also carried out during the year.

Various teams of our management and staff were sent to awareness training courses to understand the significance of the impact of business activities towards the environment and ultimately our personal health.

Our manufacturing arm in Bangi, which is ISO 14001 certified, is also contributing towards environmental protection by running its own internal recycling programme.

One recycling programme involving the public was initiated in October 2003 with the cooperation of a neighbourhood school, Sekolah Rendah Integrasi Bandar Baru Bangi. Our objective here was to educate the younger generation on the importance of recycling activities and preservation of our natural resources. The responses we obtained here were very encouraging and we hope to continue elsewhere with such programmes in 2004.

The commitment towards environmental protection and compliance with the relevant regulations is very important to us at Pharmaniaga. Our waste water treatment plant (WWTP) which was commissioned in April 2003 is routinely monitored to ensure the quality of waste water discharged into the environment complies with Standard A of the Malaysian Environment Quality Act (EQA). In addition our environmental monitoring process also includes the quality of air and dust levels discharged into the environment.

Pharmaniaga via its subsidiaries also participated in the Prime Minister's Hibiscus Award 2002/2003 competition organised by the Business Council for Sustainable Division Malaysia (BCSDM), the Environmental Management & Research Association of Malaysia (ENSEARCH), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) and the Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI). Activities in this competition included answering questionnaires relating to environmental issues and also an audit by the organisers on related issues.

Pharmaniaga menyedari keperluan untuk memelihara dan melindungi alam sekitar dan adalah komited untuk menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar yang sensitif.

Sebagai komitmen yang berterusan Kumpulan terhadap pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar, beberapa program alam sekitar, kesihatan dan keselamatan (EHS) turut dilaksanakan sepanjang tahun.

Beberapa kumpulan kakitangan dan pengurusan telah menghadiri kursus latihan kesedaran untuk memahami kepentingan kesan kegiatan perniagaan terhadap alam sekitar dan akhirnya, terhadap kesihatan diri kita.

Bahagian pengilangan kami di Bangi, yang diiktiraf dengan ISO 14001, juga menyumbang terhadap perlindungan alam sekitar dengan menjalankan program kitar semula.

Salah satu program sedemikian yang melibatkan orang awam dimulakan pada bulan Oktober 2003 dengan kerjasama sebuah sekolah setempat, iaitu Sekolah Rendah Integrasi Bandar Baru Bangi. Objektif kami adalah untuk mendidik anak-anak muda tentang kepentingan kegiatan kitar semula dan pemeliharaan sumber semula jadi kita. Sambutan yang kami terima amat memberangsangkan dan kami berharap dapat meneruskan program seumpama ini di tempat lain pada tahun 2004 ini.

Komitmen terhadap perlindungan alam sekitar dan kepatuhan terhadap peraturan yang berkenaan amat penting bagi kami di Pharmaniaga. Loji rawatan air kumbahan (WWTP) kami yang memulakan operasi pada bulan April 2003 sentiasa dipantau untuk memastikan mutu air kumbahan yang disalurkan ke persekitaran mematuhi Piawai A Akta Mutu Alam Sekitar Malaysia (EQA). Di samping itu, proses pemantauan alam sekitar kami juga merangkumi mutu udara dan aras debu yang tersebar ke persekitaran.

Menerusi anak-anak syarikatnya, Pharmaniaga juga menyertai pertandingan Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 2002/2003 anjuran Majlis Perniagaan Bahagian Mapan Malaysia (BCSDM), Persatuan Pengurusan & Penyelidikan Alam Sekitar Malaysia (ENSEARCH), Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), dan Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI). Aktiviti pertandingan ini termasuk menjawab soal selidik tentang isu-isu alam sekitar dan juga pemeriksaan audit oleh pihak penganjur terhadap isu-isu yang berkaitan.

The Health and Safety of our employees and contractors is a high priority for Pharmaniaga. The risks and hazards associated with our products and operations are systematically assessed and measures are taken to protect employees and others coming into contact with the hazards. We also monitor the causes of incidents and assess what can be learned to avoid similar injuries from reoccurring.

In order to improve and maintain compliance to current health and safety legislation, four workplace inspections were conducted by the following committees over the course of the year; First Aid, Chemical Control, Personal Protective Equipment and Fire & Rescue Team committees.


We tracked the number of cases of injury and illness resulting in time off work and set a challenging target of zero accidents. In 2003 only two accidents were recorded compared to five accidents happening in 2002, representing a 60 per cent improvement over the previous year. The main causes of injury are slips, trips and falls.

Year	2002	2003
No of Accidents	5	2

The occurrence of accidents contributing to production Lost Time was used to measure the success of the OSHA program to improve the Safety & Health performance at the workplace. A total of 535,900 hours without lost time accident was achieved in 2003 compared to only 150,450 hours in 2002.

Health & Safety performance for 2002 and 2003 are presented in the following chart.


Accident Free Hours/Masa Bebas Kemalangan



Training & awareness programmes on Safety & Health have led to increased staff awareness in reporting all near miss incidents occurring in at the workplace. This is reflected in the increased number of reports raised in 2003 i.e. from 51 cases in 2002 to 97 cases in 2003. Improvements in the reporting system structure have helped the committee to take effective measures to mitigate accidents in the workplace.

Near Miss Incidents for 2002 and 2003 are presented in the following chart.

Near Misses Incidents Report/Laporan Kejadian Nyaris Berlaku



Kesihatan dan Keselamatan pekerja dan kontraktor kami adalah keutamaan tertinggi di Pharmaniaga. Risiko dan bahaya yang berhubung dengan produk dan operasi kami dinilai dan langkah-langkah diambil untuk melindungi pekerja dan orang lain yang berhadapan dengan bahaya tersebut. Kami juga memantau punca kejadian dan menilai ikhtibar yang dapat diambil untuk mencegah kecederaan seumpama itu daripada berulang.

Untuk memperbaiki dan mengekalkan kepatuhan terhadap undang-undang kesihatan dan keselamatan yang berkuatkuasa kini, empat pemeriksaan tempat kerja telah dijalankan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berikut sepanjang tahun: Jawatankuasa Pertolongan Cemas, Jawatankuasa Kawalan Kimia, Jawatankuasa Alat Perlindungan Diri, dan Jawatankuasa Pasukan Bomba & Penyelamat.

Kami mencatat bilangan kes kecederaan dan keuzuran yang mengakibatkan kehilangan masa kerja kemudian menetapkan sasaran yang mencabar, iaitu sifar kemalangan. Pada tahun 2003, hanya dua kemalangan tercatat berbanding lima yang berlaku pada tahun 2002, iaitu penurunan 60 peratus daripada tahun lalu. Punca utama kecederaan adalah tergelincir, tersungkur, dan terjatuh.

Tahun	2002	2003
Bilangan Kemalangan	5	2

Kejadian kemalangan yang menyebabkan kehilangan masa pengeluaran digunakan untuk mengukur kejayaan program OSHA dalam meningkatkan prestasi Keselamatan & Kesihatan di tempat kerja. Sejumlah 535,900 jam kerja tanpa kehilangan masa kemalangan dicapai pada tahun 2003 berbanding hanya 150,450 jam pada tahun 2002.

Prestasi Kesihatan & Keselamatan bagi tahun 2002 dan 2003 digambarkan di dalam carta di sebelah.

Program latihan & kesedaran tentang Keselamatan & Kesihatan berjaya meningkatkan kesedaran kakitangan terhadap kepentingan melaporkan semua kejadian nyaris berlaku di tempat kerja. Ini dapat dilihat melalui bilangan laporan yang meningkat pada tahun 2003, iaitu daripada 51 kes pada tahun 2002 kepada 97 kes pada tahun 2003. Pembaharuan struktur sistem pelaporan membantu jawatankuasa mengambil langkah yang berkesan untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja.

Kejadian Nyaris Berlaku bagi tahun 2002 dan 2003 digambarkan di dalam carta di sebelah.

- Restructuring of Pharmaniaga's operations to streamline activities into 2 core divisions namely pharmaceuticals and medical products & services for a more focused and integrated operations to enhance efficiency.
- Implementation of a 5-day week resulting in the reduction of working hours to 40 hours and staff earning extra 12 leave days per year.

01

january/
januari

- Penyusunan semula operasi Pharmaniaga kepada 2 bahagian teras, iaitu farmaseutikal dan produk & perkhidmatan perubatan, agar operasinya lebih fokus dan bersepadu, lantas meningkatkan kecekapan.
- Pelaksanaan 5 hari seminggu bekerja yang mengurangkan waktu kerja kepada 40 jam dan menambah hari cuti pekerja sebanyak 12 hari setahun.

- Official opening of Bukit Raja Complex by Health Minister, YB Dato' Chua Jui Meng, featuring the new state-of-the-art wing of Pharmaniaga Logistics' warehouse.
- Official presentation of OHSAS 18001 certificate from Sirim QAS to Pharmaniaga Logistics, Bukit Raja.

17

february/
februari



- Pembukaan rasmi Kompleks Bukit Raja oleh Menteri Kesihatan, YB Dato' Chua Jui Meng, dengan sayap yang baru lagi canggih bagi gudang Pharmaniaga Logistics.
- Penyampaian rasmi sijil OHSAS 18001 daripada Sirim QAS kepada Pharmaniaga Logistics, Bukit Raja.

- Completion of Sirim QAS combined triple audit (Quality/ Environment/Health & Safety) of Pharmaniaga Manufacturing – the first audit of its kind to a manufacturing facility.

05

march/
mac

- Penyempurnaan gabungan tiga audit Sirim QAS (Kualiti/Alam Sekitar/Kesihatan & Keselamatan) terhadap Pharmaniaga Manufacturing – audit yang pertama seumpamanya bagi kemudahan perkilangan.

- Pharmaniaga wins the 2002 KLSE Corporate Excellence Award for Second Board category.



11

march/
mac

- Pharmaniaga memenangi Anugerah Kecemerlangan Korporat BSKL 2002 bagi kategori Papan Kedua.

- Migration of Pharmaniaga from the Second Board to the Main Board of the Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB).

13

march/
mac

- Penghijrahan Pharmaniaga dari Papan Kedua ke Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB).

- Official opening of the new 26000 sq ft warehouse for Pharmaniaga Logistics, Sabah at Kolombong Industrial Centre in Kota Kinabalu by YAB Datuk Chong Kah Kiat, the Chief Minister of Sabah. The warehouse is the largest pharmaceutical warehouse facility in Sabah, providing enhanced service to customers in the state.

- Appointment of Azhar Hussain as Managing Director and Roshidah Abdullah as Chief Financial Officer of Pharmaniaga Berhad.

- Successful launch of Pharmaniaga Employee Share Option Scheme (ESOS) as an incentive to staffs and as an employee loyalty initiative. A total of 5,418,400 ordinary shares were offered as the inaugural ESOS offer.



- The inaugural Merdeka Pharmaniaga Golf Tournament between Pharmaniaga and the Ministry of Health (MoH) in an effort to strengthen ties and foster relationship with MoH.

- In the midst of the Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) scare, Pharmaniaga presented 1,500 "Talking Thermometers" to the National Council for the Blind, allowing the blind community to take their own temperature without any assistance.



14
march/
mac

- Pembukaan rasmi gudang baru seluas 26000 kaki persegi bagi Pharmaniaga Logistics, Sabah di Pusat Perindustrian Kolombong di Kota Kinabalu oleh YAB Datuk Chong Kah Kiat, Ketua Menteri Sabah. Gudang ini adalah gudang farmaseutikal yang terbesar di Sabah bagi memberikan perkhidmatan yang lebih unggul kepada para pelanggan di negeri ini.

01
april/
april

- Pelantikan Azhar Hussain sebagai Pengarah Urusan dan Roshidah Abdullah sebagai Ketua Pegawai Kewangan Pharmaniaga Berhad.

04
july/
julai

- Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) Pharmaniaga sebagai insentif kakitangan dan inisiatif bagi mengekalkan kesetiaan pekerja telah berjaya dilancarkan. Sejumlah 5,418,400 saham biasa telah ditawarkan sebagai tawaran ESOS pertama.

10
august/
ogos

- Kejohanan sulung Golf Merdeka Pharmaniaga diadakan di antara Pharmaniaga dengan Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai usaha untuk mengeratkan hubungan yang sedia ada sambil menjalinkan hubungan baru dengan KKM.

13
august/
ogos

- Sewaktu wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) melanda, Pharmaniaga telah menghadiahkan 1,500 "Termometer Bersuara" kepada Majlis Orang Buta Kebangsaan Malaysia bagi membolehkan golongan buta untuk mengambil suhu badan sendiri tanpa bantuan.



- Official opening of Pharmaniaga's Hydrogel manufacturing facility at the Malaysian Research Institute of Nuclear Technology (MINT).
- Pharmaniaga starts group wide Recycling Campaign.

27
august/
ogos

- Pembukaan rasmi kilang Hydrogel Pharmaniaga di Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT).
- Pharmaniaga memulakan Kempen Kitar Semula seluruh kumpulan.

- Officially launched "GENGIGEL" an innovative gum care product. The ceremony was officiated by YB Dato' Seri Dr Suleiman Mohamed, Deputy Minister of Health Malaysia in the presence of over 200 medical professionals.



- Handover of Malaysia's 1st ENT mobile clinic to Kuliyyah of Medicine, International Islamic University.

06
september/
september

- Pelancaran rasmi "GENGIGEL", produk penjagaan gusi yang inovatif. Upacara ini dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Suleiman Mohamed, Timbalan Menteri Keshihatan Malaysia dengan kehadiran lebih 200 ahli perubatan dan wakil media di sebuah hotel di Sri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
- Penyerahan klinik ENT bergerak pertama Malaysia kepada Kuliyyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa.

- Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd joins the Pharmaniaga Group as a 100% subsidiary.

15
september/
september

- Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd menyertai Kumpulan Pharmaniaga sebagai anak syarikat milik 100%.

- The "Touch" greeting cards are produced in aid of the National Council for the Blind Malaysia. The cards incorporate Braille text as part of the card designed for four major festive celebrations namely, Deepavali, Christmas/New Year, Aidilfitri & Chinese New Year. The cards are sold at RM10 for a pack of 8 cards.



01
october/
oktober

- Kad ucapan "The Touch" dikeluarkan sebagai sumbangan kepada Majlis Orang Buta Kebangsaan Malaysia. Kad ini mengandungi tulisan Braille dan direka bentuk untuk empat perayaan utama, iaitu Deepavali, Krismas/Tahun Baru, Aidilfitri & Tahun Baru Cina. Kad ini dijual pada harga RM10 bagi setiap pek sebanyak 8 kad.



- Pharmaniaga sponsors the SMI-Pharmaniaga Phoenix Awards for the 2003 SMI Recognition Awards. The award was presented to 3 deserving companies that were badly affected by the 1997 financial crisis but have since strongly recovered from it.

03
october/
oktober

- Pharmaniaga menyumbangkan Anugerah Phoenix SMI-Pharmaniaga bagi Anugerah Pengiktirafan SMI 2003 di mana ianya dianugerahkan kepada 3 syarikat yang terjejas dengan buruk oleh krisis kewangan 1997 tetapi kini telah pulih dengan teguh.

- Pharmaniaga Biomedical Sdn Bhd officially signed the Distributorship Agreement with SHARP-ROXY SALES & SERVICE COMPANY (M) SDN BHD for the exclusive distributorship of the industrial model (FU-800) of the SHARP Plasmacluster Air Purifier.



14

october/
oktober

- Pharmaniaga Biomedical Sdn Bhd dengan rasminya menandatangani Perjanjian Hak Pengeedaran dengan SHARP-ROXY SALES & SERVICE COMPANY (M) SDN BHD untuk hak pengedaran eksklusif model perindustrian (FU-800) Penulen Udara Plasmacluster SHARP.

- Pharmaniaga wins the NACRA award for its 2002 Annual Report in the 2nd board Trading & Services category.



05

december/
disember

- Laporan Tahunan 2002 Pharmaniaga memenangi anugerah NACRA bagi kategori Perdagangan & Perkhidmatan Papan Kedua.

- Pharmaniaga is the single largest sponsor for the Asia Pacific Archery Competition organised by the Malaysian Paralympic Council.

28

january/
januari

- Pharmaniaga menjadi penaja tunggal yang terbesar bagi Pertandingan Memanah Asia Pasifik anjuran Majlis Paralimpik Malaysia.

- Pharmaniaga celebrates Aidil Adha by sacrificing a cow and distributing its meat to the deserving residents of Kampong Kebun Bharu Kuala Langat.

03

february/
februari

- Pharmaniaga menyambut Aidil Adha dengan mengorbankan seekor lembu dan menyedekahkan dagingnya kepada penduduk Kampong Kebun Bharu Kuala Langat yang berkeelayakan.

GROUP ACHIEVEMENTS • PENCAPAIAN KUMPULAN

5 & 6 March/Mac

SIRIM QAS international combined triple audit of manufacturing facilities was concluded successfully. It was confirmed that this combined triple audit was the first of its kind in the pharmaceutical industry in Malaysia and only the 3rd time in SIRIM QAS records.

Audit results show zero major non-conforming (NCR'S) observations for QMS:

1. (ISO 19001)
2. Environment (ISO 14001)
3. Health & Safety (OHSAS 18001)

All the auditors concluded with unanimous recommendation to confirm the Certifications of all the management system accorded to our manufacturing facilities.

Gabungan tiga audit kemudahan pengilangan oleh SIRIM QAS International disempurnakan dengan jayanya. Gabungan tiga audit ini disahkan sebagai yang pertama seumpamanya bagi industri farmaseutikal di Malaysia dan hanya kali ketiga dalam rekod SIRIM QAS.

Keputusan audit menunjukkan sifar pemerhatian ketidakpatuhan utama (NCR) bagi QMS:

1. (ISO 19001)
2. Alam Sekitar (ISO 14001)
3. Kesihatan & Keselamatan (OHSAS 18001)

Kesemua juruaudit sebulat suara mencadangkan untuk mengesahkan Persijilan semua sistem pengurusan yang diberikan kepada kemudahan pengilangan kami.

13 March/Mac

Migration of Pharmaniaga from the Second Board to the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange with increased paid up capital of RM100 million from RM50 million previously.

Perpindahan Pharmaniaga dari Papan Kedua ke Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur dengan peningkatan modal berbayar sebanyak RM100 juta daripada RM50 juta sebelumnya.



5 December/Disember

Pharmaniaga took home the industry excellence award for second board companies in Trading and Services for its 2002 Annual Report at the 2003 NACRA.

Pharmaniaga membawa pulang anugerah kecemerlangan industri bagi syarikat Perdagangan dan Perkhidmatan papan kedua untuk Laporan Tahunan 2002nya di NACRA 2003.

29 December/Disember

Pharmaniaga enters the Malaysia Book Of Records.

A community project initiative by Pharmaniaga Group in aid of the National Council for the Blind Malaysia (NCBM) and its member organisations has earned it a place in the Malaysia Book of Records through the First Braille Greeting Card ever printed in Malaysia.

Pharmaniaga tersenarai dalam Malaysia Book Of Records. Sebuah projek komuniti yang diusahakan oleh Kumpulan Pharmaniaga untuk membantu Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia (NCBM) dan organisasi ahlinya telah mendapat tempat dalam Malaysia Book of Records melalui Kad Ucapan Braille yang Pertama dicetak di Malaysia.

12 February/Februari 2004

Pharmaniaga was accorded the KLSE Corporate Excellence Award and the Best Corporate Disclosures in Annual Report in the Second Board category at the KLSE Corporate Awards 2003.

Pharmaniaga diberikan Anugerah Kecemerlangan Korporat BSKL dan Pendedahan Korporat Terbaik dalam Laporan Tahunan bagi kategori Papan Kedua di Anugerah Korporat BSKL 2003.



PURE_{LLUMINATION}

REVELATION

IN LIFE, NOTHING OF LASTING VALUE IS

ACCOMPLISHED IN A FLASH.

TRUE RETURNS ARE ALWAYS THE RESULT OF

LONG-TERM INVESTMENTS.

KEJELASAN.

Dalam kehidupan, nilai abadi tidak mungkin tercapai dalam sekelip mata. Pulangan yang hakiki tentunya adalah hasil pelaburan jangka panjang.